



Himpunan Artikel
Think Tank Edisi 2022:

KUPASAN ISU SEMASA





Diterbitkan oleh:

MYREF CONSULTANCY AND TRAINING PLT

Malaysian Research and Education Foundation (MyREF)

No 10-2, Jalan Dataran Jade 2,

Jade Hills, 43000 Kajang,

Selangor, Malaysia.

W: www.myref.org.my

E: info@myref.org.my

Hak Cipta Terpelihara:

Malaysian Research and Education Foundation (MyREF)

Editor: Dr. Nurul Suhada binti Ismail & Nur Aina binti Makhtarudin

Pereka bentuk buku: Muhammad MM Akram

Himpunan Artikel *Think Tank* Edisi 2022: Kupasan Isu Semasa



ISBN 978-629-98483-1-8

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Bagi buku ini boleh didapati daripada

Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar	i
Prakata	ii
SOSIAL/KEMASYARAKATAN	3
Fenomena “ <i>Mukbang</i> ”: Sudut Pandang Islam Penulis: Mastura binti Mohd Salleh	
Kemelut Ketagihan Pornografi Di Usia Kanak-Kanak Penulis: Noratirah Rambli	
Polemik Kemiskinan Haid Di Malaysia Penulis: Dr. Norhafizah Abdul Halim	
Bersocial Era Baharu: Kewajaran Trend Tanpa Sebar Aib Penulis: Dr. Syaidatana Siti Aishah Ab Aziz	
Gangguan Psikologi, Cetus Perilaku Bunuh Diri Penulis: Dr. Norhafizah Abdul Halim	
Jenayah Seksual Golongan Agamawan: Antara Fitnah Dan Kebenaran Penulis: Dr. Farah Farhana Johari	
Budaya Hedonisme Mengikis Keperibadian Dan Jati Diri Penulis: Dr. Syaidatana Siti Aishah Ab Aziz dan Dr. Mohd Rizal Abu Bakar	
Keselamatan Makanan: Krisis Dan Natijah Penulis: Wan Nur Syifa’ Binti Wan Mohd Yusri	
EKONOMI	33
Dimensi Miskin Bandar Di Era COVID-19 Penulis: Dr. Farah Farhana Johari	
Senario Krisis Makanan Di Malaysia: Kesan Sosioekonomi Penulis: Dr. Nurul Suhada Ismail	
AGAMA	43
Kepimpinan Menerusi Tauladan, Manifestasi Kepimpinan Bebas Rasuah Penulis: Dr. Farah Farhana Johari	
Pergaulan Bebas Dalam Bersukan, ‘Normalisasi’ Kebejatan Sosial Penulis: Dr. Farah Farhana Johari	
ALAM SEKITAR	51
Banjir Kilat Di Malaysia, Fenomena Geologi Berantai Penulis: Dr. Syaidatana Siti Aishah Ab Aziz	
PENDIDIKAN	57
COVID 19: Guru Dan Bahana Transformasi Baharu Pendidikan Malaysia Penulis: Dr. Farah Farhana Johari	



KATA PENGANTAR

Alhamdulillah, dengan izin dan inayah Allah SWT, Malaysian Research and Education Foundation (MyREF) dapat mengumpulkan dan menerbitkan kompilasi artikel MyREF Think Tank bagi tahun 2022. Buku yang memuatkan sebanyak 14 buah artikel ini merupakan projek penerbitan sulung bagi Unit Penyelidikan dan Pembangunan MyREF. Projek ini bermula dengan penerbitan artikel MyREF Think Tank di laman sesawang dan juga media sosial MyREF yang menyentuh dan mengupas isu-isu semasa. Hal ini bertepatan dengan objektif dan misi MyREF untuk membangunkan modal insan melalui penyelidikan dan pendidikan.

Penghasilan dan penyusunan kompilasi artikel MyREF Think Tank ini merangkumi bidang sosial, kemasyarakatan, ekonomi, agama, alam sekitar dan pendidikan. Perbincangan artikel yang diketengahkan digarap dengan bahasa yang mudah dan mesra pembaca bagi memastikan penyampaian maklumat secara efisien. Walaupun terdapat isu semasa yang dibawa bersifat global namun melalui gaya bahasa dan perspektif yang dibawa penulis mampu memberikan manfaat kepada pembaca.

Hal ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa sumbangan artikel dan idea yang diberikan oleh kesemua penulis dalam kompilasi artikel MyREF Think Tank 2022. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan kesungguhan para penulis dan juga editor dalam memastikan segala perancangan penerbitan buku ini berjalan dengan lancar.

Akhir kata, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT yang telah memberikan kemudahan dan peluang dalam usaha mengumpulkan dan menerbitkan kompilasi artikel MyREF Think Tank 2022. Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada pembangunan insan, negara dan ummah.

Emeritus Professor Dato' Abang Abdullah Abang Ali

Pengerusi, Lembaga Pengarah

Malaysian Research and Education Foundation (MyREF)

PRAKATA

Konsep buku ini menampilkan kompilasi artikel yang telah dihasilkan untuk edisi MyREF Think Tank sepanjang tahun 2022 merangkumi pelbagai bidang. Antara bidang yang diketengahkan dalam kompilasi artikel ini termasuklah bidang sosial, kemasyarakatan, ekonomi, agama, alam sekitar dan pendidikan. Kompilasi artikel ini kebanyakannya merupakan isu-isu semasa yang berlaku pada tahun 2022 yang dilihat memberi impak besar kepada masyarakat. MyREF membawakan kupasan setiap isu dalam bentuk artikel yang lebih mudah untuk dihadam melalui bahasa dan perspektif penulisan dengan mengambil kira keperluan pelbagai kategori masyarakat Malaysia.

Kompilasi artikel di dalam buku ini merupakan garapan idea daripada pelbagai latar belakang penulis dan bidang. Penelitian isu semasa yang dikemukakan penulis lebih tertumpu kepada faktor dan kesan sesuatu isu sebagaimana yang terdapat dalam kompilasi artikel bagi bidang sosial, kemasyarakatan, alam sekitar dan ekonomi. Dalam menanggapi dan menganalisis isu semasa juga, penulis MyREF cenderung mengupas dari sudut akar umbi permasalahan dan membawa perbincangan kepada beberapa solusi yang bersifat fleksibel. Hal ini dapat diperhatikan dalam setiap artikel yang dikemukakan penulis khususnya dalam bidang pendidikan, ekonomi dan agama.

Tuntasnya, setiap isu semasa yang diteliti dalam buku ini merupakan satu bentuk usaha MyREF dalam menyampaikan maklumat dan ilmu kepada masyarakat dalam karya yang ringan dan mudah untuk difahami. Oleh yang demikian, diharapkan perbincangan, analisis dan solusi yang disampaikan dalam buku kompilasi artikel ini memberi manfaat dan impak positif kepada para pembaca.

Selamat membaca.

SOSIAL/ KEMASYARAKATAN

FENOMENA “MUKBANG”: SUDUT PANDANG ISLAM

Oleh : Mastura binti Mohd Salleh

Disebalik Populariti ‘Mukbang’

Mukbang menjadi salah satu fenomena global yang meluas sebarannya di seluruh dunia. Bermula dari negara Korea Selatan sekitar tahun 2010, kini fenomena ini dikenali hampir di keseluruhan negara. Menurut carian *google trend*, *Mukbang* mula popular sebagai istilah carian maya sekitar tahun 2014 di Korea Selatan sebelum berkembang secara global. ‘*Mukbang*’ atau ‘*Meokbang*’ berasal dari gabungan dua perkataan Bahasa *Hangul* iaitu ‘*Muk*’ dari perkataan ‘*Mukja*’ yang bermaksud ‘Makan’ dan ‘*Bang*’ dari perkataan ‘*Bangseong*’ yang bermaksud ‘Siaran’. Menerusi aktiviti *Mukbang*, pelbagai jenis makanan dan minuman disediakan dalam kuantiti yang banyak kemudian, dimakan oleh personaliti *Mukbang* itu sendiri sambil berbual dengan penonton. Bagi masyarakat di Korea Selatan makan merupakan aktiviti sosial dan merupakan satu budaya untuk tidak bersendirian ketika makan. Berikutan itu, tercetusnya idea untuk mengadakan sesi makan secara *live* ataupun rakaman video. Secara literal, *Mukbang* sememangnya bermaksud siaran makan yang dikendalikan oleh penyiar video yang secara tersusun akan menayangkan sesi makan secara interaktif bersama penonton.

Selain daripada menyajikan pelbagai jenis makanan yang *viral*, kebiasaannya, *Mukbang* menampilkan beberapa elemen yang diselitkan di dalam siaran seperti *review*, *Autonomous Sensory Meridian Response* (ASMR), dan *challenge* untuk menarik perhatian penonton. Dengan tambahan elemen-elemen tersebut berupaya menarik penonton sehingga menjadi pengikut tetap siaran. Secara tidak langsung, meningkatkan jumlah tontonan dan seterusnya diterjemahkan sebagai pendapatan kepada penyiar *Mukbang*. *Mukbang* yang pada asalnya hanya merupakan trend video *YouTube*, tetapi kini boleh ditonton menerusi pelbagai platform seperti *Instagram* dan sebagainya. Atas faktor tersebut, tiada halangan dan sempadan untuk sesiapa sahaja menonton siaran *Mukbang* asal sahaja mempunyai capaian internet. Demikian, tidak hairan sekiranya *Mukbang* menjadi ikutan dan tontonan ramai sehingga menjadi satu fenomena.

Hakikatnya, fenomena unik ini turut melahirkan ramai personaliti *Mukbang* seperti Banzz, Dorothy, Yuka Kinoshita, MommyTang, Keemi, Stephanie Soo, Steven Sushi, Quang Tran, BeenDeen dan lain-lain. Tidak ketinggalan Malaysia sendiri turut mempunyai personaliti *Mukbang* seperti Isaac Othman, Syedot ASMR, Hishan Raus, Oohami, MDM ASMR dan ramai lagi. Masing-masing mereka mempunyai pengikut tersendiri. Bagi mereka yang terlibat secara aktif menghasilkan video-video *Mukbang*, selain daripada mengecap populariti, secara tidak langsung menjadi sumber pendapatan sampingan. Salah seorang personaliti *Mukbang* yang menerima bayaran yang tinggi adalah dari Korea Selatan dikenali sebagai Dona. Siaran Dona mempunyai lebih dari 10 juta pengikut dengan tontonan siaran tertinggi sebanyak 932 juta tontonan. Di Korea Selatan, *Mukbang* turut menjadi suatu ketaksuban sehinggakan peminatnya sanggup membayar personaliti kegemaran mereka semata-mata untuk memberi sokongan. Ternyata, fenomena *Mukbang* bukan sahaja menjana sumber pendapatan kepada sesetengah individu bahkan mengangkat populariti mereka.

Namun begitu, adakah *Mukbang* hanya memberi impak yang positif kepada semua pihak atau sebaliknya? Menurut Harris, Calado dan Griffiths (2021) menerusi kajian bertajuk '*The Psychology of Mukbang Watching: A Scope Review of Academic and Non Academic Literature*' terdapat beberapa impak dan akibat pada persepsi penonton siaran *Mukbang*. Menurut pengkaji *Mukbang* berupaya mengubah persepsi terhadap norma pemakanan yang biasa, mempromosikan gaya pemakanan yang berbahaya, mempengaruhi seleksi pemakanan, mengelirukan persepsi serta memanipulasi psikologi penonton, menampilkan adab dan tatacara ketika makan yang tidak baik dan berlawanan dengan tatacara tradisional yang dipupuk sejak kecil, serta mendorong perbelanjaan secara berlebihan. Hal ini memaparkan bahawa *Mukbang* memberi kesan negatif terhadap beberapa perkara berkaitan dengan kesihatan, adab dan tatacara dan mendorong ke arah pembaziran. Sedikit sebanyak, kajian tersebut mendedahkan sisi negatif *Mukbang* terhadap pengikut atau penontonnya.

Dalam pada itu, *Mukbang* juga berupaya mengundang permasalahan lain iaitu *Binge Eating Disorder (BED)* yang merupakan gangguan pemakanan. Menurut *National Health Service* (2020), BED memungkinan seseorang untuk mengambil makanan yang banyak dalam tempoh yang singkat walaupun merasa tidak lapar. Perlakuan ini turut menyebabkan seseorang individu sukar berhenti makan sehingga mengundang kepada masalah kesihatan. Menurut Fadhi Rizal Makarim (2019), pelaku BED cenderung untuk memiliki kualiti hidup yang buruk sehingga mempengaruhi kehidupan sosial seseorang. Tambahan pula penghidap BED turut berisiko mengalami obesiti. Situasi ini sememangnya sangat dekat dengan perlakuan *Mukbang* yang sedang menjadi trend masa kini. Ternyata *Mukbang* bukan sahaja memberi kesan yang positif tetapi juga kesan negatif lebih-lebih lagi yang terkait dengan kesihatan. Berikutan daripada impak negatif ditengah populariti *Mukbang*, artikel ini turut mengupas dengan lebih lanjut dari sudut pandang Islam.

Mukbang dari Sudut Pandang Islam

Sebagai seorang Muslim, seharusnya kita melihat segenap aspek tingkah laku dan gaya hidup kita dari kacamata ajaran Nabi SAW dan Islam. Adakah Islam melarang sama sekali aktiviti *Mukbang* ini? Tiada dalil khusus yang tidak membenarkan siaran makan, namun perlu seiring dengan adab-adab yang dijelaskan dalam al-Qur'an dan Hadith.

Seeloknya siaran makan yang dikendalikan oleh seorang Muslim menampilkan informasi yang bermanfaat serta diselitkan dengan nasihat-nasihat yang menzahirkan rasa bersyukur atas rezeki, keelokan penciptaan pancaindera untuk merasai nikmat Allah, menimbulkan rasa ingin berkongsi dan bersedekah rezeki Allah yang enak rasanya. Dalam masa yang sama, ia juga membantu pengusaha makanan dengan promosi yang baik dari penyiar *Mukbang*. Pendek kata, siaran *Mukbang* ini lebih banyak mendekatkan penonton kepada Allah SWT.

Bagaimana pula dengan perkara-perkara yang perlu di jauhi dalam siaran *Mukbang*? Antara yang utama adalah menjauhi makanan yang haram/makruh serta yang merosakkan kesihatan tubuh badan selaras dengan *Maqasid* Syariah dalam menjaga nyawa dan agama. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah:195 yang bermaksud :-

"Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan."

Sangat jelas di sini bahawa setiap dari kita bertanggungjawab ke atas amanah tubuh badan yang diberikan oleh Allah SWT dan menjaganya dengan baik. Perbuatan makan dengan terlampau banyak, atau dengan sengaja mengambil makanan yang terlalu pedas atau manis dengan jumlah yang banyak yang mana kita tahu akan implikasi buruknya kepada kesihatan adalah suatu bentuk kezaliman kepada tubuh badan kita.

Dr. Andrew Bates, salah seorang pegawai dan pensyarah perubatan di *Renaissance School of Medicine, Stony Brook University* menerangkan bahawa seseorang yang gemar melakukan *Mukbang* dengan cara yang tidak sihat akan menyebabkan sistem dalaman tubuh badan di dalam keadaan celaru. Ini kerana badan tidak dapat mengenalpasti pola pemakanan yang tetap serta kerap perlu bekerja keras memproses makanan yang terlalu banyak masuk ke dalam badan. Lama-kelamaan ianya akan memberi kesan buruk kepada tubuh badan dalam jangka masa panjang.

Beliau juga menerangkan bahawa individu yang bertubuh kurus tetap akan mengalami masalah yang sama dengan individu obesiti dari segi paras gula serta lemak dan berisiko mendapat penyakit di dalam keadaan tanpa sedar jika terus melakukan *Mukbang*.

Islam juga sangat melarang umatnya makan secara berlebihan sehingga memudaratkan. Firman Allah SWT di dalam Surah al-A'raf ayat 31 yang bermaksud:

"Makan dan minumlah, tetapi jangan berlebihan. Sungguh Allah tidak menyukai orang yang berlebihan."

Selain daripada implikasi pada kesihatan, makan secara berlebihan ini membawa kepada rasa malas dan tidak cerdas pemikirannya sebagaimana pesan Luqmanul Hakim kepada anaknya :

"Wahai anakku, apabila perut telah penuh maka fikiran pun akan tertidur, tidak dapat mendengar hikmah (pelajaran), dan anggota badan pun terasa berat dari ibadah."

Apalah nilai seorang Muslim yang ingin dibanggakan sekiranya dia mempunyai masalah kesihatan, kurang hikmah (kebijaksanaan) dan tidak bersemangat hariannya akibat malas. Kesemua ini berpunca daripada pengamalan *Mukbang* yang tidak sihat. Tiada gunanya mempunyai pendapatan yang lumayan kerana ramai pengikut siaran *Mukbang* tetapi ianya tidak memberi nilai tambah kepada pembinaan jasmani apatah lagi rohani diri penyiar *Mukbang* itu sendiri, bahkan membawa kepada kerosakan dan kemudatan kelak.

Marilah kita menjadi insan yang lebih baik dengan mengambil konsep bahawa hidup kita seluruhnya adalah suatu ibadah. Kita makan untuk meneruskan kelangsungan hidup dan untuk memudahkan kita beribadah dan bukan sebaliknya iaitu hidup untuk makan. Nabi SAW mengajarkan cara untuk mengisi perut iaitu makan cukup sekadar memberikan tenaga dan tidak memenuhkan perut dengan makanan, selaras dengan hadith :-

Dari Miqdam bin Ma'di Kariba : Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

“Tidaklah seorang anak Adam mengisi sesuatu yang lebih buruk dari perutnya sendiri , cukuplah bagi anak adam beberapa suap yang dapat menegakkan tulang punggungnya, jikapun ingin berbuat lebih, maka sepertiga untuk makanan dan sepertiga untuk minum dan sepertiga lagi untuk nafasnya”(Hadith riwayat Tirmidzi, Ibnu Hibban dan Ibnu Majah).

Adab dalam Mukbang

Sememangnya, tiada larangan khusus untuk melakukan *Mukbang* dalam Islam, namun sedikit sebanyak aktiviti makan secara berlebihan ini bertentangan dengan adab makan dalam Islam. Sekurang-kurangnya personaliti *Mukbang* Muslim yang ingin menghasilkan video mereka perlu menitikberatkan adab makan yang sepatutnya menurut Islam. Tidak sewajarnya video-video *Mukbang* yang dihasilkan semata-mata ingin meningkatkan pendapatan dan meraih populariti semata-mata.

Dari pandangan mata kasar *Mukbang* mungkin memberi impak yang positif, lebih-lebih sebagai sumber pendapatan sampingan, namun trend ini turut meninggikan kesan sebaliknya. Oleh itu, di samping menjadikannya sebagai sumber pendapatan seseorang individu terutamanya yang beragama Islam perlu meneliti kembali serta menitikberatkan nilai-nilai Islam dalam siaran *Mukbang* supaya selari dengan tuntutan syara' serta jauh dari kemudaratan tubuh badan. Selain itu, penonton atau pengikut siaran ini pula perlu memilih siaran yang bersesuaian dan mampu memberi kebaikan kepada diri sendiri berbanding kemudaratan untuk dijadikan tauladan dan sempadan. Hargailah nilai dan nikmat kesihatan sebelum datangnya penyakit yang sukar dihantar pulang apabila ia mula singgah di badan. Menjaga kesihatan tubuh badan merupakan salah satu aspek yang dituntut agama. Kesihatan merupakan amanah yang dituntut dalam menjaga hubungan dengan Allah SWT.



KEMELUT KETAGIHAN PORNOGRAFI DI USIA KANAK-KANAK

Oleh: Noratirah Rambli

Kanak-Kanak dan Pornografi

Isu pornografi dalam kalangan orang dewasa mungkin bukan sesuatu perkara yang janggal di dengari, walaupun ternyata sebagai perlakuan yang tidak bermoral. Namun, isu pornografi dalam kalangan kanak-kanak merupakan sesuatu perkara yang amat memeranjatkan. Manakan tidak, figura seawal usia yang masih bergelar kanak-kanak sudah mempunyai pengetahuan dan ketagihan terhadap perlakuan yang tidak bermoral sebegitu. Apakah yang di maksudkan dengan pornografi? Apakah pula definisi kanak-kanak? dan bagaimana pornografi dan kanak-kanak dikaitkan menjadi isu yang serius? Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pornografi adalah sesuatu yang eksplisit dan mempunyai imej-imej yang mempunyai alat kemaluan yang terdedah atau tingkah laku seksual yang secara sengaja tidak di selindung untuk tujuan meransangkan seksual menerusi filem, bahan bacaan dan foto. Selain itu, menerusi Dasar Kanak-Kanak Negara yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak 2001.

Definisi sahaja sudah jelas menggambarkan bahawa terlibat dengan pornografi bukan suatu perbuatan yang wajar dilakukan lebih-lebih lagi bagi mereka di bawah umur 18 tahun. Menurut beberapa kajian, apabila kanak-kanak membuat tanggapan mengenai seks dan seksualiti daripada pornografi, mereka akan mempunyai sifat yang kuat mengenai seksual yang permisif seperti seks sebelum kahwin dan seks kasual. Atas dasar itu, dari tahun 2014 hingga 2018, seramai 18,465 kes remaja hamil luar nikah didaftarkan di Klinik Kesihatan Malaysia. Sehubungan dengan itu, pada setiap tahun dianggarkan lebih 4,000 bayi yang lahir di luar nikah.

Hakikatnya, ketagihan pornografi berupaya menyumbang kepada perbuatan seksual seperti rogol dan berzina. Tidak mustahil juga membawa kepada perbuatan jenayah lain seperti pembunuhan dan pembunuhan bayi. Lebih membimbangkan apabila perbuatan ini membabitkan kanak-kanak yang belum mencapai kematangan dalam berfikir akan baik buruk sesuatu tindakan. Terbaharu, negara kita digemparkan dengan tindakan seorang remaja berusia 15 tahun yang membunuh bayinya sendiri sebaik sahaja melahirkan. Difahami kehamilan remaja tersebut tanpa pengetahuan kedua ibu bapanya. Ekoran kejadian tersebut juga, beliau telah disyaki dirogol. Walau bagaimanapun, hal ini menjadi tanda tanya ramai pihak berikutan masih dalam siasatan pihak berkuasa. Bagaimana mungkin ketagihan pornografi ini tidak dipandang serius? Sedangkan boleh berlarutan sehingga kepada rogol dan pembunuhan. Disember 2021, isu rogol turut menjadi tumpuan persidangan Dewan Rakyat sebagai pelan strategik jangka masa panjang, KPWKM. Hal ini pastinya bagi menangani kemelut kes rogol bawah umur dan sumbang mahram yang berleluasa dalam negara.

Realiti Ketagihan Pornografi

Isu ketagihan pornografi yang membabitkan kanak-kanak sebagai pelakunya adalah sesuatu perkara yang amat membimbangkan. *Malaysians Against Pornography* (MAP) pada 2018 melaporkan, 80% kanak-kanak berusia 10 hingga 17 tahun telah menonton pornografi secara sengaja. Peratusan ini amat memeranjatkan bagi isu sebegini, lebih-lebih lagi melibatkan kanak-kanak sebagai pelaku. Ditambah pula, kajian oleh Institut Kesihatan Umum (IKU),

Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017 mendapati 7.3% remaja antara umur 13 hingga 17 tahun sudah dan pernah melakukan seks. Dalam hal ini, sebanyak 35% remaja lelaki berbanding 27% remaja perempuan mengakui pernah melakukan seks sebelum umur 14 tahun. Situasi ini tidak mustahil akibat daripada terlalu terdedah dengan bahan pornografi sehingga direalisasikan secara realiti.

Ketagihan pornografi dalam kalangan kanak-kanak bukan sekadar ditonton menerusi media sosial sahaja malah, terdapat cubaan dan telah merealisasikan. Berita Harian, 2018 pernah melaporkan seorang pelajar perempuan seawal usia 13 tahun mengakui telah melakukan hubungan seks dengan lebih 10 lelaki. Pelajar terbabit turut mengakui sudah melakukan lebih 20 kali persetubuhan termasuk dengan lebih dari seorang lelaki dalam satu masa tanpa paksaan. Bersama-sama dengan pengakuannya, didedahkan bahawa pelajar itu mengambil rakaman video semasa melakukan hubungan seks. Akibat daripada ketagihan seks yang melampau pelajar tersebut turut melakukan hubungan seks pada bulan ramadhan di tandas tepi rumah secara bergilir-gilir. Peristiwa ini merupakan pengakuan yang memeranjatkan ramai pihak lebih-lebih lagi apabila membabitkan pelajar belasan tahun.

Selain daripada itu, timbul juga isu yang membabitkan kes rogol. Sebagaimana yang didedahkan di dada-dada akhbar saban tahun, seolah-olah menjadi satu trend, ada sahaja laporan membabitkan kes rogol pelaku bawah umur disiarkan dari semasa ke semasa. Tahun 2010, *Mstar Online* pernah melaporkan tentang cubaan remaja lelaki berusia 15 tahun untuk merogol seorang wanita 28 tahun di dalam tandas awam. Selain sempat menyentuh alat sulit mangsa, remaja lelaki terbabit turut mengugut dan merompak barang berharga milik mangsa. Rentetan itu, tahun 2018, *Astro Awani* mendedahkan kes rogol melibatkan tujuh remaja berusia 15 hingga 18 tahun. Ketujuh-tujuh remaja terbabit telah didakwa atas kesalahan merogol secara bergilir-gilir seorang remaja perempuan berusia 13 tahun di rumah mangsa sendiri setelah mengenali mangsa menerusi aplikasi *WeChat*. Tahun berikutnya, 2019 timbul pula kes seumpamanya membabitkan kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun merogol kanak-kanak perempuan berusia empat tahun. Tanpa disangka, sebagaimana laporan *Berita Harian*, kanak-kanak lelaki tersebut telah melakukan perbuatan merogol mangsa sebanyak tiga kali sejak 2017.

Meneliti kes-kes yang pernah berlaku memperlihatkan situasi yang amat membimbangkan sedang berlaku dalam kalangan kanak-kanak. Generasi yang pastinya bakal menjadi pelapis di masa hadapan tidak seharusnya mempunyai sikap tidak bermoral sebegini. Hakikatnya, apakah faktor penyumbang berlakunya ketagihan pornografi dalam kalangan kanak-kanak ini?

Penyumbang Keterlibatan Kanak-Kanak

Pada era ini, kanak-kanak mudah terdedah dengan pornografi kerana penggunaan gajet yang berleluasa seperti telefon pintar dan komputer riba tanpa kawalan. *Berita Harian*, 13 Februari lalu mendedahkan penggunaan aplikasi *WhatsApp* dan *WeChat* yang digunakan untuk memerangkap kanak-kanak berinteraksi secara seksual. Laporan tersebut turut mengulas peratusan mengenai jenayah seksual yang berlaku melalui interaksi di laman sosial seperti rogol, eksploitasi, seks luar tabii adalah pada kadar yang membimbangkan. Dalam hal ini, kanak-kanak sendiri tidak menyedari bahawa mereka telah menjadi mangsa seksual. Didapati, situasi ini memperlihatkan implikasi negatif terhadap penggunaan teknologi oleh kanak-kanak yang mudah terpengaruh dengan perkara berunsur seksual sebegini.

Sementara itu, sebuah laman sesawang *Majoriti.com* melaporkan ketagihan pornografi dalam kalangan kanak-kanak berpunca daripada pengaruh rakan atas talian. Hal ini bertitik tolak dengan perkenalan menerusi permainan video secara atas talian sehingga membawa kepada perbuatan berunsur lucah, seterusnya beronani. Ternyata pornografi yang hanya mudah didapati secara atas talian berupaya membawa amalan seksual yang dipraktikkan sendiri oleh kanak-kanak.

Pada masa ini, kemajuan teknologi yang sepatutnya memberi kemudahan kepada kanak-kanak telah disalahgunakan. Seharusnya, teknologi dijadikan medium kanak-kanak meningkatkan dan memantapkan ilmu pengetahuan dalam pendidikan tetapi, sebaliknya yang berlaku. Dalam hal ini pemantauan dan kawalan daripada ibu bapa terhadap penggunaan teknologi penting agar kanak-kanak tidak terlibat dengan ketagihan pornografi. Jika di awal usia sebegini sudah terlibat dengan perbuatan tidak bermoral dan turut dikategorikan sebagai perbuatan jenayah sebegini, apakah yang bakal berlaku kepada mereka setelah meningkat dewasa kelak?

Inisiatif Menangani Ketagihan Pornografi

Pelbagai inisiatif sama ada dalam perspektif agama atau pandangan yang progresif, telah diambil oleh kerajaan, badan bukan kerajaan dan individu untuk menangani pornografi dalam kalangan kanak-kanak. Namun, masih timbul isu sama membabitkan kanak-kanak di bawah umur. Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk personaliti individu yang sedang membesar iaitu kanak-kanak. Bagi membentuk personaliti yang sihat dan baik, ibu bapa hendaklah mengawal tingkah laku anak-anak sedari kecil. Pengawasan terhadap penggunaan teknologi dan hubungan dengan rakan media sosial sangat penting demi memastikan mereka tidak terlibat dengan perkara berunsur seksual.

Selain daripada ibu bapa, guru sekolah juga perlu memainkan peranan bagi mengatasi permasalahan ini. Guru sekolah adalah barisan pertahanan kedua untuk kanak-kanak kerana selain rumah, sekolah adalah tempat kanak-kanak meluangkan masa mereka paling lama. Guru-guru di sekolah hendaklah disediakan dengan ilmu mengenai pendidikan seksual kanak-kanak dan perkembangan kognitif mereka kerana zaman ini penting untuk tumbesaran dan pembentukan personaliti. Guru juga hendaklah peka dengan perubahan pelajar mereka kerana kemungkinan untuk mereka terjebak kepada perubahan sosial yang ketara seperti membawa gajet di sekolah, ponteng kelas dan lain-lain. Persekitaran yang sihat di sekolah perlulah dilahirkan supaya pelajar tidak merasa keperluan untuk melakukan sesuatu di luar kawalan guru dan ibu bapa.

Fungsi pihak kerajaan yang mentadbir juga penting dengan memberi hak-hak yang sepatutnya diperoleh oleh kanak-kanak seperti pendidikan yang holistik dan menyeluruh. Kerajaan juga boleh melindungi kanak-kanak dengan meningkatkan pendidikan seksual di sekolah supaya kanak-kanak lebih peka dan mendapat kesedaran awal jika mereka berhadapan dengan perkara tidak bermoral seperti ketagihan pornografi.

Keseluruhannya, pornografi dalam kalangan kanak-kanak merupakan isu yang serius dan wajar diberi perhatian khusus. Ketagihan ini, tanpa kawalan akan terus berleluasa seterusnya membawa kepada permasalahan lain yang lebih serius. Justeru, bagaimanakah dengan masa hadapan kanak-kanak ini di masa akan datang?

POLEMIK KEMISKINAN HAID DI MALAYSIA

Oleh : Dr. Norhafizah Abdul Halim

Realiti Miskin Haid

Istilah kemiskinan haid kedengaran sangat asing dalam kalangan masyarakat hari ini. Kemiskinan haid atau *period poverty* merupakan situasi sukar yang dialami golongan wanita dan kanak-kanak perempuan seawal usia kedatangan haid bagi mendapatkan akses terhadap kelengkapan haid, kemudahan sanitasi, pendidikan dan lain-lain. Apabila berbicara mengenai isu kemiskinan haid, ramai dalam kalangan masyarakat termasuk golongan wanita sendiri kurang memahami maksud sebenar istilah ini. Justeru, perbincangan tentang kepentingan menangani isu kemiskinan haid kurang dibicarakan kerana rasa malu dan stigma yang menyelubungi masyarakat serta memegang kepada tabu atau larangan dalam membicarakan hal ini secara terbuka.

Di seluruh dunia, dianggarkan 500 juta orang remaja perempuan dan wanita dewasa yang didatangi haid kekurangan akses kepada produk haid dan kemudahan kebersihan. Berdasarkan statistik beberapa kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat (AS) berkaitan kemiskinan haid, dianggarkan terdapat 16.9 juta orang telah berhadapan dengan kemiskinan haid. Dalam pada itu, menerusi kajian *BMC Women Health*, 2021 yang dijalankan ke atas remaja-remaja yang sedang menuntut di kolej mendapati bahawa 14.2 peratus telah mengalami kemiskinan haid pada tahun lalu. Selain itu, hampir dua pertiga wanita di AS yang berpendapatan rendah tidak mampu membeli produk haid pada tahun lepas. Turut menjadi dilema dalam kalangan wanita tersebut, apabila terpaksa memilih antara membeli makanan atau produk haid. Lebih membebankan, sehingga Jun 2019, 35 negeri di AS mengenakan cukai produk haid pada kadar antara 4.7 peratus di Hawaii dan 9.9 peratus di Louisiana. Keadaan ini menjadi lebih parah tatkala negara-negara di seluruh dunia berhadapan dengan pandemik Covid-19 yang berlarutan bagi suatu tempoh masa yang sangat panjang. Tambah merungsingkan bagi kelompok wanita luar bandar, miskin bandar dan miskin tegar dalam menghadapi situasi sukar tersebut sehingga mengundang implikasi yang besar terhadap kesejahteraan fizikal, mental dan emosi golongan terbabit.

Kekurangan akses kepada produk haid berupaya menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan mental seseorang wanita. Berita Harian, tahun 2022 melaporkan sebanyak 68.1 peratus pelajar wanita di sebuah kolej berdepan kemiskinan haid dengan gejala kemurungan sederhana hingga teruk. Mereka juga mempunyai kadar kemurungan yang lebih tinggi daripada peserta yang tidak mengalami kemiskinan haid. Berdasarkan laporan *Medical News Today*, 2021, pada tahun 2014 yang dijalankan ke atas wanita di India mendapati bahawa sebanyak 42 peratus responden tidak mengetahui berkaitan tuala wanita yang bersesuaian dan tidak mengetahui bagaimana proses atau kitaran haid ini berlaku. Satu kajian lain di Bangladesh menunjukkan bahawa 73 peratus wanita tidak bekerja selama purata 6 hari sebulan. Walau bagaimanapun, apabila projek berkaitan kesejahteraan wanita dilaksanakan dengan menghantar tuala wanita dan beberapa keperluan lain, terdapat perubahan dari sudut kadar ketidakhadiran dan perubahan tingkah laku yang ketara.

Isu Utama Kemiskinan Haid

Perkara utama yang diketengahkan dalam menangani isu kemiskinan haid adalah hak-hak golongan ini untuk mendapatkan akses terhadap bentuk-bentuk keperluan bagi membantu mereka menguruskan tempoh kedatangan haid tersebut. Kekangan terhadap produk haid sangat ketara dialami oleh golongan yang kurang atau tidak mampu memiliki tuala wanita sama ada yang diulang cuci ataupun pakai buang. Terdapat segelintir individu menggunakan pakaian terpakai bagi menggantikan tuala wanita. Tindakan ini lebih menjimatkan kerana boleh digunakan berulang kali berbanding membeli tuala wanita pakai buang. Terdapat juga wanita yang menggunakan surat khabar untuk dijadikan sebagai tuala wanita tanpa memikirkan bahaya yang akan menimpa diri. Sedangkan, surat khabar mempunyai karbon yang boleh menyebabkan jangkitan kuman pada alat sulit sehingga boleh menyebabkan kematian. Penggunaan tuala wanita daripada sumber lain juga dikhuatiri tahap kebersihan dan dibimbangi mampu mengundang jangkitan kuman yang boleh mendatangkan pelbagai penyakit. Menurut Ketua Jabatan Obstetrik dan Ginekologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr. Habibah Abdul Hamid, penggunaan tuala wanita dalam tempoh yang terlalu lama walaupun dalam kuantiti darah yang sedikit boleh mendedahkan wanita kepada risiko jangkitan kuman. Seseorang wanita juga boleh terdedah kepada jangkitan kuman yang serius dikenali sebagai kejutan toksik iaitu jangkitan yang jarang berlaku tetapi sangat berbahaya.

Kemiskinan haid turut melibatkan limitasi dan kekangan bagi mendapatkan pendidikan dan pengetahuan berkaitan pengurusan haid. Kekurangan ilmu dan pengetahuan pengurusan haid yang betul boleh mengganggu perjalanan kehidupan serta aktiviti seharian. Hal ini disebabkan mereka berasa malu, tidak selesa, terganggu dan tidak mahu melibatkan diri dengan sebaiknya. Situasi ini juga menimbulkan permasalahan terhadap segelintir pelajar sehingga memilih jalan singkat dengan tidak hadir ke sekolah. Kesannya, timbul permasalahan lain dalam konteks institusi pembelajaran. Walau bagaimanapun, pendidikan dan pengetahuan ini tidak hanya kepada golongan wanita sahaja bahkan seluruh masyarakat perlu cakna dan prihatin akan keadaan yang sebenarnya dialami oleh ahli keluarga mereka sendiri. Maklumat dan informasi yang disebarkan ini dapat membantu golongan wanita, remaja dan kanak-kanak perempuan daripada mengalami pengalaman negatif seperti diskriminasi, berasa malu diejek, kurang keyakinan diri yang boleh mengganggu prestasi mereka di sekolah mahupun tempat kerja. Keadaan ini boleh membawa kesan jangka panjang kepada diri mereka sekiranya tidak ditangani dengan baik.

Selain itu, isu kemiskinan haid juga berkisar tentang kekangan bagi mendapatkan kemudahan serta sistem sokongan yang baik sepanjang tempoh menguruskan kedatangan haid. Pengurusan kebersihan haid atau dikenali sebagai *menstrual hygiene management* (MHM) merangkumi akses terhadap produk kebersihan haid yang baik, ruang privasi yang secukupnya bagi golongan ini untuk menguruskan diri mereka dalam tempoh haid, kemudahan untuk membuang bahan pengurusan haid terpakai, tempat pelupusan tuala wanita yang bersesuaian dan sumber air yang bersih. Pengurusan kebersihan haid boleh menjadi cabaran bagi golongan wanita dan remaja di negara-negara membangun di mana kemudahan air bersih dan tandas sering kali tidak mencukupi. Selain itu, kemudahan pelupusan sisa haid juga sering diabaikan oleh institusi pendidikan dan institusi pekerjaan sekaligus menjadi faktor tekanan kepada golongan tersebut. Selain itu, ruang privasi juga menjadi salah satu kemudahan yang sering diabaikan. Ruang privasi yang dimaksudkan ini termasuklah ruang yang bebas dari gangguan orang lain, tidak terbuka kepada umum dan tidak terikat dengan ukuran masa agar golongan wanita dapat menggunakan ruangan tersebut sepanjang tempoh menguruskan haid.

Dimensi Kemiskinan Haid di Malaysia

Isu kemiskinan haid tidak seharusnya dijadikan polemik dalam kehidupan bermasyarakat masa kini kerana isu kemiskinan haid bukan sekadar signifikan dalam kehidupan individu malah turut melibatkan sektor pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial dan pertumbuhan negara. Isu ini sepatutnya dijadikan perbincangan bersama dan diketengahkan sama penting dengan hal-hal yang lain seperti isu kemiskinan hidup, pengangguran, dan gejala sosial. Bertitik tolak daripada kesedaran akan kepentingan dalam menangani isu kemiskinan haid, Malaysia telah menjadi salah satu negara yang giat mengetengahkan isu ini walaupun secara zahirnya kemiskinan haid di Malaysia masih berada pada tahap yang terkawal dan tidak seteruk beberapa negara lain seperti India, Bangladesh dan Afrika. Dengan kadar populasi negara kini, masalah kemiskinan haid masih akan dapat ditangani dengan baik jika mendapat kerjasama daripada semua pihak.

Realiti kemiskinan haid di Malaysia lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan di pedalaman Sabah dan Sarawak khususnya yang berhadapan kesukaran bagi mendapatkan produk haid serta kemudahan sanitasi seperti sumber air bersih dan ruang privasi yang sewajarnya. Oleh itu, Malaysia melalui beberapa pertubuhan kerajaan, organisasi awam dan sukarela telah memperlihatkan pelbagai usahasama ke arah menangani perkara ini. Pelbagai pihak seperti golongan pakar, ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) kini giat membincangkan isu serta permasalahan berkaitan kemiskinan haid sekaligus mencari jalan penyelesaian terbaik bagi mengatasi permasalahan ini. Antara individu yang giat mengetengahkan isu kemiskinan haid ialah Dr Sharifah Fatimah Al Zahrah Syed Hussien Al Attas yang merupakan pensyarah Fakulti Sosiologi dan Antropologi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau melalui usahanya telah menubuhkan kempen “Peduli Merah” yang bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya isu kemiskinan haid ini. Kempen “Peduli Merah” ditubuhkan dengan niat bagi merealisasikan hasrat golongan remaja dan wanita dewasa bagi mendapatkan akses terhadap keperluan asas seperti tuala wanita secara percuma dan peluang pendidikan yang setara. Menurut Dr. Sharifah Fatimah, terdapat empat elemen asas yang perlu ditangani dalam menyelesaikan isu berkaitan kemiskinan haid iaitu mendapatkan akses kepada produk sanitasi, pendidikan dan ilmu pengetahuan tentang haid, akses kepada infrastruktur sanitasi dan privasi kepada wanita. Selain itu, kemiskinan haid juga meliputi aspek yang lebih kompleks iaitu memastikan pengurusan haid setiap individu wanita adalah selamat, bersih dan bermaruah.

Pihak kerajaan turut memandang serius keadaan ini dengan menyediakan peruntukkan dalam Bajet Belanjawan 2022 melalui pemberian kit kebersihan diri setiap bulan untuk 130,000 remaja perempuan dari keluarga B40. Selain itu, kerajaan turut komited dengan menyediakan sumber air bersih, tempat khas pembuangan tuala wanita serta ubat-ubatan yang diperlukan ketika melalui keadaan datang bulan yang tidak selesa. Antara usaha lain yang dilaksanakan oleh Malaysia adalah menjadi antara negara pertama yang melaksanakan (*pink tax*) atau menggugurkan cukai ke atas tuala wanita bagi membantu menangani isu ini. Usaha ini wajar dicontohi negara-negara lain demi mencapai matlamat menangani isu kemiskinan haid. Selain itu, bukan hanya pihak kerajaan, usaha dalam menangani isu kemiskinan haid ini turut mendapat kerjasama daripada badan-badan bukan

kerajaan NGO antaranya dikenali sebagai *BUNGA Pads*. Badan sukarelawan wanita ini mengambil langkah memberikan tuala wanita guna semula secara percuma kepada golongan yang memerlukan terutamanya yang tinggal jauh di pedalaman Sabah dan Sarawak. *BUNGA Pads* turut gigih dalam memberikan pendidikan, memperkasakan wanita dan alam sekitar.

Tangani Kemiskinan Haid Bersama

Kebiasaan masyarakat memperkatakan tentang kemiskinan khususnya dalam konteks taraf hidup dan kesusahan mendapatkan sumber kewangan serta akses kepada pelbagai kemudahan. Bagi isu kemiskinan haid, ianya sangat berkait rapat dengan persoalan hak asasi bagi golongan kanak-kanak perempuan dan wanita, kekurangan akses kepada produk haid, pendidikan, kemudahan kebersihan, pengurusan sisa, atau gabungan ini. Oleh itu, adalah sangat penting bagi semua pihak memainkan peranan masing-masing dalam menangani isu kemiskinan haid. Ini termasuklah dalam tanggungjawab pengurusan di sekolah, institusi pendidikan tinggi mahupun tempat bekerja menyalurkan maklumat dan menyediakan saluran khas sebagai salah satu bentuk kemudahan kepada golongan ini.

Peningkatan pendidikan dan perkongsian pengetahuan berkaitan pengurusan haid pada hari ini perlu dilakukan dengan lebih terbuka tanpa wujudnya stigma atau persepsi negatif dalam institusi pendidikan. Perkongsian pengetahuan antara organisasi, dalam komuniti dan di sekolah perlulah mampu melindungi perasaan malu, tidak selesa dan rendah diri golongan ini kepada suatu perasaan prihatin, dihargai, dihormati dan disayangi. Selain itu, semua pihak berkepentingan haruslah mampu menyediakan suatu platform mendapatkan maklumat dan akses kepada kemudahan dan produk pengurusan haid disamping mewujudkan polisi-polisi baharu yang dapat membantu menyokong kesihatan dan kesejahteraan golongan ini.

Selain itu, **masyarakat juga perlulah lebih prihatin dengan memberikan sokongan moral dan perhatian yang sewajarnya kepada golongan tersebut kerana rata-rata mereka memegang tanggungjawab sebagai pelajar, wanita bekerja, suri rumah tangga hatta memegang tampuk pimpinan penting dalam organisasi.**

Oleh itu, kesedaran tentang isu kemiskinan haid perlu wujud dalam diri masyarakat hari ini agar kita dapat membela nasib mereka khususnya golongan remaja dan wanita yang terkesan dengan permasalahan ini. Tambahan pula, Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang melaksanakan segala prinsip-prinsip dan syariat hidup berlandaskan al-Qur'an dan sunnah, maka sudah tentulah persoalan kebersihan dan kesucian diri golongan wanita dan kebajikan mereka wajar diberikan keutamaan. Anjuran ini bertepatan dengan fitrah diri manusia selain memastikan kesejahteraan rohani dan fizikal golongan ini sentiasa terpelihara.

BERSOSIAL ERA BAHARU: KEWAJARAN TREND TANPA SEBAR AIB

Oleh: Dr. Syaidatana Siti Aishah Ab Aziz

Bersosial di Media Sosial

Kemajuan teknologi masa kini membolehkan masyarakat berkembang daripada media tradisional kepada media baharu yang lebih pantas. Tinjauan secara umum oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2021, penggunaan internet dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berusia 15 tahun ke atas meningkat dengan ketara kepada 98.8% berbanding tahun lalu iaitu 89.6%. Tentunya peningkatan penggunaan internet berlaku terhadap aktiviti penggunaan media sosial berbanding aktiviti-aktiviti lain. Berdasarkan laporan Digital 2018, Malaysia telah diiktiraf sebagai negara ke sembilan paling aktif media sosial di peringkat global. Dalam pada itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), tahun 2020 turut melaporkan daripada lima aktiviti secara atas talian, penggunaan media sosial mencatat peratusan kedua tertinggi iaitu 93.3% berbanding komunikasi teks (98.1%), komunikasi suara atau video (81.1%), menonton video (87.3%) dan mendapatkan maklumat (74.3%). Ternyata, media sosial telah menukar gaya hidup masyarakat dengan pelbagai pilihan aktiviti harian dengan hanya perlu dilakukan secara atas talian. Dari pandangan mata kasar penggunaan media sosial dilihat terkehadapan seiring dengan perkembangan era baharu. Namun, sejauh manakah media sosial dimanfaatkan oleh para pengguna?

Tidak dinafikan kewujudan pelbagai aplikasi rangkaian sosial dan komunikasi lebih merencanakan senario semasa. Pelbagai pilihan aktiviti secara atas talian telah mendorong kemahuan masyarakat untuk menjadikannya sebagai platform mengumpul pengikut, meraih populariti dan menjana wang sampingan. Laporan KKMM tahun 2020 memperlihatkan bahawa terdapat tiga aplikasi rangkaian sosial yang paling digemari masyarakat iaitu *Facebook* (91.7%), *Youtube* (80.6%) dan *Instagram* (63.1%). Di samping itu, menerusi laporan sama KKMM, terdapat pula tiga aplikasi rangkaian komunikasi yang menjadi pilihan pengguna di Malaysia iaitu *Whatsapp* (98.7%), *Facebook Messenger* (53.9%) dan *Telegram* (40.1%). Kesemua platform tersebut antara medium popular dan mudah untuk menjana wang kerana boleh memuat naik, menonton, menilai, berkongsi dan memberi komen kepada pelbagai genre kandungan video dihasilkan. Lebih-lebih lagi, tiada peraturan khusus yang ditetapkan dalam mencipta dan memuat naik kandungan video di platform media sosial. Hanya dengan cara menzahirkan bakat dan mempersembahkan kreativiti dalam sesebuah medium mampu menjadikan sesuatu kandungan itu tular. Sekaligus membolehkan pengguna media sosial meraih pendapatan sampingan.

Selain itu, trend semasa penggunaan media sosial dilihat bertujuan meraih perhatian, simpati dan tanda suka. Trend ini juga merupakan tindakan yang popular dalam kalangan pengguna media sosial saban hari. Dalam hal ini, permasalahan timbul apabila perkongsian yang dimuat naik adalah perkara yang tidak sewajarnya seperti pergaduhan, penderaan, kegagalan dalam peperiksaan dan permasalahan rumah tangga dan sebagainya. Perkongsian tersebut dilihat seolah-olah berbangga dengan sesuatu perkara atau situasi yang tidak sepatutnya. Lebih membimbangkan, apabila perkongsian sebegitu menjadi ikutan dalam kalangan pengguna media sosial lain seterusnya membawa kepada trend baharu.

Tahap penggunaan yang sangat tinggi terhadap pelbagai rangkaian media sosial berjaya mencetuskan trend semasa dan mendorong warganet untuk mencubanya. Namun, adakah trend penggunaan media sosial ini menghasilkan suatu budaya yang wajar untuk diteladani atau sekadar menyebarkan aib sendiri?

Trend atau Sebar Aib

Sebagaimana yang dapat dilihat pada masa ini wujud trend yang tidak mencerminkan ajaran Islam serta tidak menjaga sensitiviti agama dan kaum sering kali dipaparkan di media sosial. Malahan, perbuatan yang kurang sopan dan menjengkelkan turut ditonjolkan di media sosial tanpa sebarang rasa malu. Trend sebegini mungkin dilihat sebagai suatu yang biasa namun membawa kesan yang besar apabila imej individu tercalar, silaturrahim terputus dan menyemai kebencian sesetengah pihak. Kebelakangan ini, fenomena membuka aib pasangan secara terang-terangan di media sosial sudah menjadi barah dalam kalangan masyarakat. Pergelutan rumah tangga ataupun perceraian yang dimuat naik di sosial media dianggap sebagai trend malah tanpa disedari mendedahkan aib pasangan kepada masyarakat umum. Perbalahan antara suami isteri di Mahkamah Syariah sepatutnya dijalankan secara tertutup agar rahsia mereka tidak diketahui umum. Perbuatan membuka pekung dan aib antara pasangan merupakan perkara yang tidak patut berlaku dalam rumah tangga. Trend ini bukannya fitrah dalam institusi keluarga, malah Islam sendiri melarang daripada perbuatan membuka aib termasuk pasangan suami isteri. Seharusnya setiap pasangan saling menjaga kehormatan dan aib masing-masing meskipun sedang dilanda masalah.

Terbaharu, muncul trend *unboxing* isteri yang jelas melanggar sensitiviti agama dan budaya. Trend ini telah menjadi ikutan dalam kalangan para pengantin baharu apabila pengantin lelaki membantu pengantin perempuan membuka tudung, merakam dan memuat naik di platform media sosial. Perkara ini turut mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk Mufti Pulau Pinang yang menganggap perbuatan tersebut bertentangan dengan agama Islam kerana tidak langsung mementingkan sifat malu. Sedangkan, sifat malu perlu menjadi benteng bagi mengawal tingkah laku dan memelihara akhlak di media sosial. Perbuatan fitnah atau maksiat yang dilakukan secara terbuka akan menghilangkan rasa malu sedangkan malu itu sebenarnya boleh mencegah individu daripada melakukan amalan buruk. Sebenarnya, Allah SWT telah menutup aib hamba-hamba-NYA agar tidak dapat dilihat oleh orang lain, maka orang Islam terutamanya perlu menjaga aib mereka bukannya menyebarkan kepada umum. Perkongsian maklumat peribadi dan apa jua bentuk hantaran di media sosial harus dilakukan secara berhati-hati supaya tidak mendedahkan aib individu.

Solusi Mengawal Situasi

Hasil daripada kesan mengikut trend semasa yang mendatangkan aib, maka pelbagai solusi perlu diketengahkan dalam mencari penyelesaian bagi isu yang semakin membimbangkan. Pemantauan daripada ibu bapa seharusnya ditingkatkan agar anak-anak sentiasa dalam keadaan terkawal. Penggunaan internet dalam kalangan anak-anak harus diawasi sedari usia kanak-kanak agar tidak terjerumus dengan perkara yang melalaikan. Ibu bapa sebagai penjaga perlu mewujudkan masa berkualiti bersama anak-anak misalnya berkongsi isu semasa di media sosial. Dengan ini anak-anak dapat menilai sesuatu perkara yang disebar sama ada baik atau buruk. Ibu bapa boleh membentuk tabiat yang lebih sihat, mencegah ketagihan media sosial dan mengawal laman web yang dilayari oleh anak-anak mereka. Sekiranya usaha ini dilakukan oleh ibu bapa dari peringkat awal, besar kemungkinan anak-anak remaja dapat menghindarkan diri daripada menggunakan platform media sosial ke arah keburukan.

Usaha dari sudut agama perlu diperluas dengan menyediakan kandungan atau pengisian berbentuk dakwah. Galakan untuk orang ramai menyertai usaha dakwah diakui amat sukar. Namun apabila dilakukan secara bersama daripada pelbagai pihak tentunya membawa kepada kebaikan yang berpanjangan terutama kepada generasi akan datang. Pengisian dakwah boleh disampaikan melalui kandungan kreatif serta pendekatan yang lebih santai dan interaktif di media sosial yang menjadi pilihan utama sebahagian besar masyarakat terutama generasi muda. Perkara tersebut penting agar minat dan perhatian masyarakat tidak hanya tertumpu kepada pelbagai bentuk kandungan yang sia-sia dan melalaikan.

Penggunaan aplikasi di media sosial adalah tidak salah, namun adalah lebih baik jika kita dapat menapis terlebih dahulu isi kandungannya supaya tidak membawa kesan buruk sama ada kepada diri sendiri, keluarga atau masyarakat sekeliling. Trend yang tidak bersesuaian dan boleh membuka aib perlu dihindari agar dapat menjaga maruah dan tidak menyalahi syariat Islam. Jika penyebaran kandungan membabitkan perkara yang bertentangan dengan nilai dan budaya masyarakat, perkara ini perlu diperhalusi sebelum memuat naik untuk tontonan ramai. Hakikatnya, media sosial merupakan medium bagi menyebarkan maklumat yang membawa banyak kebaikan, bukannya keburukan kepada masyarakat. Perubahan gaya hidup atau trend baharu menunjukkan umat Islam semakin terdedah kepada kegiatan kurang bermoral dan menyalahi syariat dengan menggunakan pelbagai medium yang berbeza. Penilaian terhadap cara penggunaan media masa secara efektif amat perlu kerana dunia kini semakin mencabar dengan perkembangan teknologi baharu. Setiap langkah dalam menghindarkan budaya tidak sihat perlu diperkukuhkan dengan kerjasama oleh semua pihak agar generasi akan datang mampu menilai sesuatu perkara dengan baik dan tidak terjerumus ke arah kemudaratan.



GANGGUAN PSIKOLOGI, CETUS PERILAKU BUNUH DIRI

Oleh: Dr. Norhafizah Abdul Halim

Realiti Gangguan Mental

Masalah gangguan psikologi atau gangguan mental dalam kalangan masyarakat dilaporkan semakin meruncing dari hari ke hari. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut memberi amaran akan berlakunya peningkatan mendadak melibatkan masalah gangguan mental, tekanan perasaan dan kemurungan. Dalam membicarakan isu ini, didapati terdapat lebih 200 jenis gangguan mental yang telah dikenal pasti dengan gejala dan tahap yang berbeza. Secara realitinya, gangguan mental boleh dikategorikan sebagai penyakit serius yang berupaya membawa kepada perilaku bunuh diri.

Jika suatu masa dahulu, kes bunuh diri sangat jarang kita dengari, namun kini kes bunuh diri bagaikan menjadi satu paparan biasa dalam mana-mana platform penyampaian maklumat. Di Malaysia, statistik yang direkodkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terdapat sejumlah 1080 kes cubaan bunuh diri telah dilaporkan pada tahun 2020. Jumlah ini meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 253 kes. Statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula menunjukkan peningkatan terhadap kes bunuh diri dalam tempoh tiga tahun antara tahun 2020 hingga tahun 2022 dengan purata sebanyak 77 orang bunuh diri setahun. Setakat tahun 2022 iaitu sehingga Jun, sebanyak 222 kes bunuh diri telah dicatatkan. Ternyata, kes bunuh diri menunjukkan pola peningkatan yang ketara sekaligus mengundang kebimbangan semua pihak.

Terbaharu, Malaysia digemparkan dengan beberapa kes bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang dengan jarak masa hanya beberapa jam sahaja. Keadaan ini mendatangkan kebimbangan masyarakat terhadap tahap kesihatan mental dan kesejahteraan diri rakyat. Hakikatnya, bunuh diri merupakan suatu bentuk tindakan dan perlakuan yang jelas menggambarkan pengabaian terhadap rasionalisasi seseorang manusia. Perlakuan ini juga memperlihatkan sisi negatif norma kehidupan masyarakat masa kini apabila sering kali kejadian seperti ini dipaparkan. Perlakuan ini sama sekali bertentangan dengan prinsip dan nilai hidup manusia yang sepatutnya berusaha dalam menjaga dan menghargai nyawa serta nikmat kehidupan. Persoalannya, apakah faktor yang mencetus kepada perilaku bunuh diri dalam kalangan ramai pihak?

Perilaku Bunuh Diri

Didapati, faktor utama atau terbesar yang mendorong kepada gangguan mental dan tekanan psikologi adalah disebabkan oleh persekitaran seperti kehilangan punca pendapatan dan ekonomi keluarga terjejas. Hal ini, ekoran penutupan dan pengecilan beberapa sektor perniagaan ketika krisis COVID-19 seperti industri perniagaan, perhotelan, pelancongan dan pengangkutan yang kebiasaannya menjadi sektor utama dalam negara. Berdasarkan statistik yang direkodkan Jabatan Sumber Manusia, seramai 600 ribu rakyat Malaysia telah kehilangan pekerjaan kesan daripada penularan COVID-19. Kehilangan punca pendapatan dan operasi pekerjaan yang terjejas telah memberi impak yang cukup besar dalam kelangsungan hidup sesebuah keluarga. Ini kerana seorang ketua keluarga yang bertanggungjawab untuk mencari nafkah buat keluarga telah diberhentikan kerja akan berasa tertekan dan dibayangi seribu satu perasaan. Antara kecewa, risau, takut dan putus asa secara tidak langsung memberikan tekanan mental dan mengganggu psikologi mereka daripada suatu keadaan yang normal sebelumnya.

Selain itu, gangguan mental juga kebanyakannya berlaku disebabkan oleh tekanan yang melampau di tempat kerja. Tekanan di tempat kerja bukan faktor baharu malah, telah berlaku sejak lama dahulu. Tambahan pula, ramai individu mengalami depresi dan stres melampau disebabkan oleh tekanan yang dihadapi sama ada bebanan kerja yang berlebihan, konflik antara rakan sekerja, buli di tempat kerja dan suasana kerja yang tidak saling menyokong. Hakikatnya, pekerjaan mana yang tidak mempunyai tekanan. Namun, setiap individu memiliki tahap kawalan emosi yang berbeza-beza, sama ada bertahan atau memilih jalan singkat dengan tindakan membunuh diri.

Dalam membincangkan hal ini, konflik dalam hubungan peribadi dan keluarga juga menjadi salah satu punca gangguan mental yang membawa kepada perilaku bunuh diri. Hal ini disebabkan oleh masalah kewangan yang dialami pasangan suami isteri, persekitaran rumah yang tidak kondusif serta berlakunya aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti pengambilan bahan terlarang. Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh Talian Bantuan Sokongan Psikososial menunjukkan bahawa sebanyak 122,328 panggilan telefon telah diterima di antara 1 Januari sehingga 18 Jun 2021. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, hampir 90% daripada panggilan tersebut berkait dengan pelbagai masalah termasuklah pergaduhan antara ahli keluarga, keganasan rumah tangga, penderaan dan penceraiian.

Seterusnya, penyebab tekanan dan gangguan mental adalah faktor persekitaran sosial yang semakin mencabar. Seiring dengan kecanggihan dunia digital dan kemajuan teknologi telah banyak membantu manusia menyelesaikan tugas, memudahkan urusan seharian dan merapatkan lagi hubungan kekeluargaan. Namun begitu, apa yang membimbangkan adalah keadaan ini dari satu sudut lain telah menjadi salah satu penyebab kemurungan, depresi dan bunuh diri. Perkara ini berlaku dengan kewujudan menghina cara baru yang dikenali sebagai 'Body Shaming', saling kecam-mengecam, memfitnah secara alam maya, penyebaran foto-foto peribadi dan budaya scammer. Hal-hal ini secara tidak langsung telah menjadi faktor gangguan mental yang buruk sehingga menyebabkan seseorang hilang pertimbangan dan kewarasan diri justeru bertindak diluar batasan dan normalisasi seorang manusia.

Gangguan Mental Tuntut Keprihatinan Sejagat

Isu gangguan mental menuntut keprihatinan semua pihak agar dapat membuka mata dan lebih cakna dengan keadaan yang berlaku disekeliling kita pada hari ini. Masyarakat harus bangkit dan sedar bahawa kesihatan mental bukanlah suatu isu peribadi yang mampu ditangani sendirian, sebaliknya keprihatinan dan tanggungjawab semua pihak mampu menyelamatkan satu nyawa. Masyarakat perlu lebih peka dan prihatin dengan masalah atau halangan yang dialami melalui cara mendengar rintihan dan luahan mereka. Ini dapat membantu menjauhkan diri mereka dari melakukan sebarang tindakan yang tidak wajar.

Menurut Pakar Perunding Psikiatri, Pusat Pakar Perubatan Universiti Malaya, Profesor Madya Dr Ng Chong Guan, ramai pesakit mental enggan mendapatkan rawatan disebabkan malu dan merasakan mereka tidak sakit. Kebanyakan mereka lebih gemar berahsia, menyorokkan masalah daripada orang lain dan tidak mahu berkongsi dengan ahli keluarga ataupun rakan-rakan sehingga akhirnya penyakit mereka tidak mudah untuk dirawat. Justeru itu, peranan ahli keluarga terdekat sangat penting untuk membendung masalah gangguan mental dan perasaan ingin menamatkan kehidupan ini. Pasangan dan ahli keluarga perlu sentiasa peka dan prihatin akan perubahan yang dialami, tindak tanduk yang dilakukan dan memahami isi hati serta mendengar luahan individu yang mengalami masalah kesihatan mental.

Selain itu, masalah ini dapat ditangani melalui rawatan awal terhadap individu yang cenderung mempunyai simptom gangguan mental. Rawatan ini dapat dilakukan menerusi perkhidmatan kaunseling dan psikologi secara percuma. Sebagai contoh, perkhidmatan kaunseling dan psikologi bergerak telah dilaksanakan di Bandung Indonesia menerusi penyediaan sebuah van di sesebuah kawasan yang turut menempatkan seorang pakar psikiatri. Perkhidmatan seumpama ini dilihat penting untuk individu yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial dan emosi seterusnya mengekang perilaku bunuh diri. Dalam pada itu, usaha membendung permasalahan ini, menuntut peranan dan tanggungjawab masyarakat sekeliling seperti ibu bapa, sahabat dan majikan agar cakna dengan individu yang memiliki tanda-tanda awal gangguan mental. Ahli keluarga dan orang terdekat individu yang mengalami gangguan mental seharusnya menjadi sumber kekuatan utama kepada mangsa dalam memberi sokongan moral dan emosi supaya individu dapat pulih dan kembali sihat menjalani kehidupan seperti sedia kala.

Gangguan psikologi ini merupakan suatu penyakit dan hakikatnya ia adalah sama dengan penyakit fizikal yang memerlukan rawatan. Namun begitu, penyakit ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Oleh itu seseorang individu seharusnya lebih peka dan cakna akan kesihatan mental masing-masing dan melakukan ujian sendiri yang berkala. Jika didapati mengalami simptom gangguan mental, hendaklah mengakui akan kebenaran penyakit itu wujud dan segera mendapatkan bantuan ahli pakar. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap daripada manusia diuji dengan pelbagai cabaran, dugaan dan halangan yang menyebabkan seseorang itu berhadapan ketidakupayaan diri untuk mengatasi dan menguruskan bebanan tersebut. Sebagai seorang manusia yang dikurniakan dengan tubuh badan dan akal yang sihat, nikmat ini harus disyukuri, dihargai dan dijaga sebaiknya. Andai manusia hilang rasa yakin diri, hilang rasa percaya diri dan hilang rasa tanggungjawab, maka manusia akan mudah merasai diri mereka sudah tidak berguna, tidak bermanfaat dan hanya menyusahkan orang lain.



JENAYAH SEKSUAL GOLONGAN AGAMAWAN: ANTARA FITNAH DAN KEBENARAN

Oleh: Dr. Farah Farhana Johari

Jenayah Seksual Agamawan

Kebelakangan ini tular isu jenayah seksual melibatkan golongan agamawan yang sedikit sebanyak memberi kesan terhadap imej Islam. Perkara ini dilihat sebagai bukan isu baharu membabitkan golongan ini, tetapi telah lama dikesan sejak dahulu lagi. Namun, isu ini timbul semula apabila satu demi satu bentuk jenayah berkaitan seks seperti amang seksual, pornografi dan seks luar tabii membabitkan golongan agamawan didedahkan media massa tempatan. Walaupun sukar untuk diterima masyarakat namun, pada hakikatnya wujud golongan agamawan yang bernaflu melampau, pelik dan songsang berlindung di sebalik topeng agama atau lebih tepat digelar penunggang agama. Isu ini bukan diada-adakan atau sekadar disensasikan untuk hidangan para pembaca semata-mata tetapi, sebuah realiti yang masih wujud sehingga hari ini. Kes sering ditarik semula, disorokkan dan dibela menjadi punca golongan agamawan lebih berani bertindak tanpa pertimbangan. Kesannya, masalah sama akan terus berlarutan dan hanya menjadi perdebatan apabila satu-satu kes berkaitan gangguan seksual diwar-warkan media massa. Lebih parah lagi, apabila gangguan seksual yang dilaporkan melibatkan golongan kanak-kanak dan remaja di bawah umur. Hal ini merupakan suatu perbuatan yang sukar diterima umum.

Menyentuh lanjut tentang isu ini, perbincangan tidak menolak bahawa sebilangan daripada golongan agamawan tidak terlibat dengan perbuatan tersebut tetapi, sekadar terpalit isu ini dek kerana fitnah yang dilemparkan. Hakikatnya, sudah menjadi lumrah golongan agamawan terlibat dengan urusan dakwah diuji dengan ujian berat sedemikian. Sedangkan, Nabi SAW sendiri turut menerima ujian yang lebih hebat termasuk difitnah ketika urusan dakwah Baginda. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Furqan, ayat ke 3 yang bermaksud, "dan orang-orang kafir berkata, al-Qur'an ini tidak lain hanyalah kebohongan yang diada-adakan oleh dia (Muhammad), dibantu oleh orang-orang lain, sungguh mereka telah berbuat zalim dan dusta yang besar". Menerusi ayat tersebut, Nabi SAW sendiri difitnah mengadakan kebohongan oleh orang-orang kafir. Selain itu, menerusi surah al-Ankabut, ayat 2 hingga 3, Allah SWT berfirman yang bermaksud "Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan hanya dengan mengatakan "Kami telah beriman", dan mereka tidak diuji?. Dan sungguh, kami telah menguji orang-orang sebelum mereka, maka Allah pasti mengetahui orang-orang yang benar dan pasti mengetahui orang-orang yang dusta". Ayat ini pula menjelaskan bahawa Allah SWT menguji orang-orang yang beriman sebelum umat Nabi Muhammad lagi. Ternyata, orang-orang yang memikul tanggungjawab dalam urusan dakwah akan sentiasa diuji dengan ujian yang berat, iaitu ujian mendorong perbuatan salah laku atau ujian fitnah salah laku.

Meskipun berada dalam dua situasi yang berbeza namun, jika berlarutan masyarakat akan mula memandang serong terhadap golongan agamawan. Timbul juga persoalan, tidak kira sama ada golongan agamawan ini benar-benar terlibat dengan jenayah seksual seperti yang diperkatakan ataupun tidak, apakah impak isu ini ke atas diri seseorang individu tersebut? Sejauh manakah isu ini memberi kesan ke atas agama, urusan dakwah, dan kerjaya mereka?

Impak ke atas Pelaku

Umumnya, apabila terkait dengan isu sebegini, golongan agamawan tidak terlepas daripada berdepan dengan kesan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Hal ini juga bergantung kepada keadaan dan situasi yang dihadapi sama ada dibuktikan bersalah atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, sedikit sebanyak masyarakat akan hilang rasa hormat, kepercayaan dan keyakinan terhadap individu yang disabitkan kesalahan jenayah seksual sebegini sekali gus, menjejaskan reputasi dan kerjaya mereka. Perkara ini berlaku berikutan masyarakat tidak lagi berkeinginan untuk menghadiri program dakwah yang melibatkan agamawan terbabit. Ilmu dan dakwah yang disampaikan tidak lagi terkesan di hati berikutan imej buruk yang ditonjolkan golongan ini. Secara tidak langsung, mengakibatkan golongan agamawan terlibat hilang punca pendapatan dan kurang dihormati sebagaimana sebelumnya.

Secara khususnya, terdapat beberapa aspek lain yang memberi kesan ke atas golongan agamawan yang terlibat dan terkait dengan jenayah seksual. Antaranya, ibu bapa hilang keyakinan untuk menghantar dan melepaskan anak-anak mereka di institusi pendidikan agama. Bimbang anak-anak berdepan dengan gangguan seksual oleh guru-guru, menyebabkan ibu bapa tidak memilih institusi pendidikan agama untuk pembelajaran anak-anak mereka. Hal ini, dilihat tidak hanya menjejaskan imej individu terlibat sebaliknya, institusi pendidikan agama Islam akan turut terkena tempiasnya. Institusi pendidikan yang sepatutnya menjadi tempat yang paling selamat dipenuhi para pendidik yang berakhlak terpuji, tetapi kini menjadi tempat yang paling ditakuti akan keselamatan para pelajarnya. Suatu perkara yang tidak sewajarnya berlaku dalam sesebuah institusi pendidikan pada era ini.

Dalam membincangkan isu ini, perbuatan jenayah seksual melibatkan golongan agamawan akan turut merosakkan imej agama Islam yang seharusnya dipandang suci dengan berlandaskan syariat Islam. Dengan hambatan pelbagai isu dan perbuatan yang tidak bermoral, menambahkan persepsi dan imej negatif terhadap agama Islam dan orang Islam sendiri. Setidak-tidaknya, perkara ini mampu menyekat penyampaian dan urusan dakwah yang seharusnya dilakukan dengan lebih meluas. Dalam pada itu, isu sebegini akan turut menghalang urusan dakwah ke atas orang bukan Islam untuk mendalami agama Islam. Sebaliknya, hanya dipandang keji dan jijik oleh mereka ke atas imej Islam. Suatu senario yang tidak sewajarnya berlaku dalam usaha memelihara, mengembangkan dan memartabatkan agama Islam.

Mengekang Kemelut Jenayah Seksual

Menyedari akan hakikat jenayah seksual dalam kalangan agamawan yang semakin meruncing maka, menjadi satu kewajipan pelbagai pihak lebih cakna untuk mengekang isu ini. Sebelum itu, seseorang individu itu sendiri perlu menjaga tingkah laku dan peribadi selaku orang yang berilmu dan dihormati, sejajar dengan pegangan yang dibawa sebagai seorang pendakwah. Dalam hal ini, golongan agamawan tidak boleh sewenang-wenangnya melakukan perbuatan yang tidak bermoral atas tiket pendakwah yang dipegang. Kepincangan yang berlaku tidak hanya akan merosakkan imej individu tersebut sahaja tetapi juga imej agama Islam. Justeru, tindakan segera perlu dilakukan bagi membendung isu ini dari terus menerus merosakkan imej agama Islam. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Ketua Angkatan Wanita Amanah Negara (Awan) bahawa pihak berkaitan seharusnya mengambil tindakan tegas untuk menggantung tauliah mengajar golongan agamawan yang terlibat dengan tuduhan jenayah seksual sehingga kes diselesaikan.



Hal ini bukan sahaja demi memastikan keselamatan para pelajar tetapi juga untuk mengembalikan keyakinan ibu bapa terhadap institusi pendidikan agama Islam setersunya memulihkan imej institusi pendidikan sendiri.

Selain itu, di peringkat institusi pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga perlu memandang isu ini sebagai hal yang serius dan perlu kepada penyelesaian secara intensif dan komprehensif. Tidak hanya sekadar melepaskan batuk di tangga, iaitu hanya mengambil langkah pada masa tertentu sahaja tetapi, tidak diselesaikan sehingga ke peringkat akar umbi. Sedangkan, gangguan seksual melibatkan pelajar sekolah bukan lagi isu baharu. Misalnya, sekitar tahun 2018, Malaysia telah dikejutkan dengan kes gangguan seksual melibatkan para pelajar sekolah tahfiz iaitu pengetua sekolah sendiri sebagai pelaku. Namun, kes seumpama ini tidak terhenti pada tahun tersebut sahaja malah berpanjangan sehingga hari ini. Jika tindakan sewajarnya telah dilakukan sejak dahulu lagi pasti isu yang seumpama ini tidak akan timbul lagi.

Dari perspektif lain pula, ramai dalam kalangan mangsa kurang pengetahuan dan malu untuk berbicara mengenai isu ini. Terdapat segelintir daripada mangsa yang bertindak menyebarkan perbuatan pelaku di saluran yang kurang tepat iaitu menerusi media sosial dan orang tengah. Misalnya, sebagaimana yang berlaku terhadap kes gangguan seksual melibatkan seorang pendakwah, mangsa menggunakan orang tengah menyebarkan bukti berbentuk rakaman suara. Secara tidak sedar, perbuatan ini hanya akan mengundang permasalahan lain seperti fitnah dan aib yang bukan sahaja ke atas pelaku tetapi juga diri sendiri. Justeru, bagi mengatasi permasalahan ini mangsa perlu mendapatkan keadilan menerusi undang-undang dengan melaporkan kepada pihak berkuasa. Dalam pada itu, informasi berkenaan tindakan atau perbuatan gangguan seksual perlu didedahkan secara meluas agar masyarakat lebih cakna seterusnya menggunakan saluran yang betul dalam menuntut keadilan.

Tuntasnya, masalah gangguan seksual melibatkan golongan agamawan bukanlah isu picisan yang boleh dipandang enteng. Justeru, tanggungjawab membendung isu gangguan seksual ini bukan sahaja perlu diletakkan dibahu pihak kerajaan semata-mata, tetapi juga individu, mangsa dan keseluruhan masyarakat. Dengan kerjasama yang diberikan oleh ramai pihak, isu gangguan seksual pasti dapat diatasi dengan lebih menyeluruh dan, tidak mustahil ianya dapat ditangani secara total.

BUDAYA HEDONISME MENGIKIS KEPERIBADIAN DAN JATI DIRI

Oleh: Dr. Syaidatana Siti Aishah Ab Aziz dan Dr. Mohd Rizal Abu Bakar

Kesesuaian Hiburan dalam Realiti Semasa

Sejajar dengan perkembangan semasa yang menumpukan kepada teknologi dan media baharu, secara langsung hiburan merupakan suatu keperluan masyarakat. Dari sudut Islam, penganutnya dibenarkan untuk berhibur selagi tidak melampaui batas syarak. Kemahuan untuk berhibur dan cintanya manusia kepada kecantikan serta keindahan merupakan fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada hambaNya. Malah terdapat satu hadith berkenaan salah seorang daripada sahabat Rasulullah SAW yang bernama Hanzalah RA merasa takut menjadi munafiq kerana beliau merasa lalai daripada mengingat Allah SWT dengan berhibur bersama keluarga. Baginda SAW bersabda yang bermaksud, Wahai Hanzalah! ada masa untuk urusan keduniaan, ada masa untuk beribadah. Dan jika hati kamu sentiasa sama seperti kamu sedang mengingat Allah SWT, para malaikat akan bersalam denganmu dan memberi salam kepadamu di pertengahan jalan (Riwayat Sahih Muslim: 2750).

Hadith di atas menjelaskan bahawa Islam tidak melarang berkenaan hiburan, namun perlu bagi seseorang Mukmin meletakkan ketetapan bahawa Islam tidaklah membuka ruang hiburan dengan seluasnya sehingga tidak ada batasan sama sekali. Realitinya, kebergantungan individu terhadap hiburan menunjukkan perkembangan yang semakin kronik apabila hiburan tersebut mampu meninggalkan kesan buruk kepada institusi sosial. Perkara ini amat merunsingkan apabila generasi muda menjadi golongan yang mudah terpengaruh dengan hiburan sehingga mendatangkan kepincangan sosial. Antara budaya negatif yang menjadi ikutan anak muda pada masa kini ialah budaya hedonisme. Meskipun budaya hedonisme telah wujud di Eropah sejak kurun ke-14 sehingga kurun ke-15, namun akhir-akhir ini budaya tersebut semakin tersebar ke serata negara. Ditambah pula, budaya hedonisme merupakan satu ancaman serta ideologi yang mampu merosakkan jati diri remaja kerana jelas bertentangan dengan nilai agama dan norma hidup masyarakat Islam.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, budaya hedonisme membawa maksud pegangan hidup yang mengutamakan keseronokan atau kesenangan hidup. Pelbagai alternatif ditawarkan oleh remaja bagi menikmati keseronokan seperti meraikan perayaan *Halloween*. Peristiwa *Halloween* pada 29 Oktober 2022 di Korea Selatan menjadi tragedi menyayat hati masyarakat dunia. Peristiwa tersebut telah mengorbankan 154 orang yang rata-ratanya terdiri dalam kalangan remaja. Kejadian ini bukan hanya memberi kesan negatif kepada pengikutnya bahkan hukumnya haram menyambut *Halloween* bagi umat Islam. Hal ini kerana perayaan ini merupakan syiar sebahagian penganut agama Kristian dan mereka menyambutnya bagi memperingati roh-roh yang telah meninggal dunia. Meskipun kejadian ini berlaku di negara lain, namun situasi tersebut wajar dielakkan agar generasi muda negara ini bebas daripada gejala yang memudaratkan diri.

Sukar dinafikan, golongan remaja masa kini mendapatkan keseronokan dengan menghadiri konsert untuk berhibur dan melepaskan tekanan. Kehadiran remaja ke konsert bertujuan untuk melihat idola yang diagungkan oleh mereka seperti penyanyi *K-pop* dan Barat.

Misalnya konsert yang diadakan di Malaysia yang melibatkan penyanyi antarabangsa seperti Billie Eilish di Kuala Lumpur pada 18 Ogos lalu mendapat sambutan hangat dalam kalangan remaja. Konsert tersebut difahamkan membawa unsur penyebaran ideologi lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang sememangnya melanggar syariat Islam. Selain itu, trend kini menunjukkan golongan remaja turut mempunyai minat atau fanatik terhadap artis daripada negara Korea. Pengaruh artis Korea sangat besar kepada remaja negara ini sehingga terdapat sebilangan wanita Melayu sanggup melakukan perkara diluar jangkaan. Sebagai contoh, insiden tiga wanita Melayu bertudung berpeluk dengan artis berkumpulan Korea Selatan dan penyertaan wanita Melayu menyalakan lilin untuk memperingati kematian artis pujaan mereka. Kesemua aktiviti ini memberi kesan buruk dan merosakkan imej Islam.

Budaya hedonisme yang menjadi simbolik kepada keseronokan dan hiburan melampau mendorong golongan remaja melakukan perkara diluar kawalan seperti penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas dan terdedah untuk melakukan pelbagai jenayah lain. Budaya hedonisme dalam kalangan remaja bukan sahaja boleh merosakkan diri sendiri, malah meruntuhkan masa depan sosio-ekonomi negara. Persoalannya bagaimanakah budaya hedonisme ini menjadi pengaruh tegar anak muda sehinggakan menghapus budaya ketimuran yang mementingkan adab dan perilaku baik?

Ancaman Hedonisme Kepada Generasi Muda

Hakikatnya, hedonisme mampu memberi ancaman kepada anak muda melalui perkembangan media arus perdana. Remaja kini tertumpu kepada media elektronik seiring dengan perubahan era globalisasi. Perkembangan Revolusi 4.0 telah menyajikan hiburan yang sangat banyak dan boleh dicapai hanya melalui hujung jari sahaja. Bahan atau kandungan yang tular dan memaparkan isu atau perihal sumbang di laman sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, *Youtube* dan *Tiktok* seumpamanya sukar dikawal. Berdasarkan Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2021 di bawah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memperlihatkan penggunaan internet dalam kalangan masyarakat Malaysia berusia 15 tahun ke atas telah meningkat dengan ketara kepada 96.8 peratus (2021) berbanding 89.6 peratus (2020). Peningkatan penggunaan media sosial oleh golongan remaja perlu dikawal agar penggunaannya hanya untuk pendidikan dan perkara yang bermanfaat sahaja. Tanpa kawalan penggunaan media sosial, pelbagai unsur budaya hedonisme yang menyiarkan aksi ganas dan melampau dapat disaksikan oleh anak muda termasuklah golongan remaja yang masih dibangku sekolah.

Pergaulan remaja sama ada di sekolah mahupun di universiti amat mempengaruhi tingkah laku mereka. Kebiasaannya remaja cenderung untuk bergaul dan berhibur sesama golongan mereka kerana lebih selesa. Namun, pemilihan rakan sebaya yang salah membolehkan seseorang individu itu terjebak dengan kegiatan tidak bermoral. Remaja yang tidak berhati-hati dalam memilih rakan akan terikut dengan perilaku negatif rakannya. Anak-anak muda sering merasakan tiada sokongan daripada keluarga sehingga memilih cara hidup hedonisme bagi mengisi kekosongan jiwa. Dengan itu remaja mudah terpengaruh dan mudah menerima ajakan rakan sebaya tanpa menilai baik dan buruknya. Akhirnya mereka sanggup menipu ibu bapa untuk keluar berhibur seperti menghadiri konsert mahupun ke pusat hiburan.

Kewujudan banyak pusat hiburan terutamanya di pusat bandar menjadikan akses untuk mendapatkan hiburan makin mudah. Malah terdapat pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen dan membenarkan remaja dan pelajar sekolah mendapatkan hiburan sewenangnyanya.

Buktinya laporan daripada Harian Metro pada 26 Jun 2020 mengemukakan pendedahan yang dibuat oleh Pertubuhan Keprihatinan Jenayah Komuniti Malaysia (MCCC) bahawa terdapat 15 pusat hiburan yang didakwa menjadi pusat pengedaran dadah di ibu negara. Pusat hiburan seperti kelab malam yang berleluasa membolehkan remaja mendapatkan hiburan dan mencari keseronokan tanpa batasan. Dengan adanya tempat berhibur yang tiada batas pergaulan menyebabkan mudahnya masalah sosial tersebar.

Isu sosial bukan hanya berpunca daripada faktor rakan sebaya dan kemudahan fizikal, malah faktor kerohanian menyumbang kepada tingkah laku seseorang. Pegangan agama yang rapuh membolehkan seseorang terdorong dengan budaya hedonisme. Seiring dengan zaman teknologi, remaja amat mudah terdedah dengan budaya yang boleh merosakkan akal fikiran mereka. Didikan agama yang kurang ditekankan dalam keluarga akan menjadikan remaja bersifat melampaui batas sehingga lupa dengan pegangan agama yang patut diamalkan. Pemupukan ke arah ajaran agama yang lemah menjadikan golongan anak muda tiada pegangan yang kuat dari segi akidah, akhlak dan sahsiah. Kelemahan ini meningkatkan lagi kecenderungan remaja dalam konteks hiburan mahupun pergaulan.

Natijah Ketaksuban Hedonisme Kepada Individu, Masyarakat Dan Negara

Dengan adanya hiburan yang berterusan, remaja lebih bersifat malas untuk belajar dan menganggap pendidikan tidak penting. Statistik daripada Jabatan Perangkaan pada 31 Julai lalu menunjukkan seramai 72.1 peratus atau 390,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pengajian Malaysia (STPM) tidak berminat untuk menyambung pelajaran. Mentaliti pendidikan tidak menjamin masa depan antara punca utama generasi muda tidak mahu menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Mereka beranggapan bahawa dengan menjadi pempengaruh ataupun *influencer* di media sosial seperti *TikTok* dapat menjana pendapatan lebih daripada golongan pendidikan tinggi. Golongan ini cenderung untuk menjadikan hiburan adalah fokus dan tujuan utama disamping mengangkat mentaliti pendidikan peringkat tinggi tidak penting.

Anak muda merupakan aset negara yang paling berharga namun terdapat segelintir daripada mereka gemar melibatkan diri dengan perkara negatif dan sukar untuk mengawal nafsu dengan baik. Malah lebih parah, remaja bersifat ke arah materialisme yang menjurus kepada kesenangan dunia. Budaya hedonisme boleh meningkatkan kes sosial seperti penagihan dadah, pembuangan bayi, rogol, mencuri dan sebagainya. Berdasarkan laporan daripada Malaysia Gazette pada 5 Julai 2021, pada tahun 2020 sebanyak 20,643 kes dadah dilaporkan manakala pada tahun 2021, sebanyak 7,066 kes. Meskipun trend menunjukkan penurunan kes dari tahun 2019 dan 2020 tetapi nilai kes yang dilaporkan masih tinggi. Menurut kajian juga, mereka yang terlibat dalam kes penyalahgunaan dadah ini adalah mereka yang berada pada awal usia remaja iaitu berusia antara 13 hingga 18 tahun.

Remaja pada awal belasan tahun merupakan golongan yang perlu dipantau kerana mereka suka mencuba sesuatu tanpa berfikir panjang. Mereka mudah terpedaya dengan tipu helah duniawi yang mementingkan kesenangan dan kenikmatan sementara. Perkara ini membawa kepada kehancuran nilai agama dalam diri remaja akibat daripada aspek materialisme yang menjadi kayu ukur kepada sesuatu tindakan. Dengan kemewahan yang diperolehi, ketaatan dan tanggungjawab kepada Pencipta ditinggalkan. Kewajipan kepada ibadah solat terutamanya akan diabaikan malah pengetahuan agama turut diremehkan. Golongan remaja sememangnya

golongan sedang mencari identiti dan jati diri mereka dan tentunya mudah menjadi sasaran kepada ancaman budaya songsang seandainya tidak dibenteng dengan asas keimanan yang teguh. Sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 208 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam sepenuhnya (dengan mematuhi segala hukum-hakamnya)"

Sinergi Semua Pihak Dalam Mendepani Budaya Hedonisme

Ekoran daripada impak negatif budaya hedonisme, pihak berwajib seperti sekolah, universiti dan kerajaan perlu menyediakan platform atau program yang bersifat kerohanian kepada pelajar. Kaunseling dan bimbingan perlu dipertingkatkan kepada golongan terlibat. Remaja boleh diberikan khidmat kaunseling sama ada di sekolah ataupun di universiti. Pelbagai program boleh dianjurkan seperti *mentor mentee* bagi memantapkan lagi sesi kaunseling. Dengan yang demikian, perkhidmatan kaunseling di semua institusi perlu ditambah baik dengan menyediakan kemudahan seperti tempat perlindungan bagi remaja yang memerlukan bimbingan.

Kementerian atau jabatan kerajaan juga perlu memandang serius berkenaan kelulusan hiburan yang membawa impak buruk dan memudaratkan masyarakat. Tindakan tegas harus dikenakan kepada pihak penganjur program hiburan yang berpaksikan kepada keuntungan serta memberikan kebebasan kepada remaja dalam pengambilan barang terlarang seperti pil-pil khayal. Pihak kerajaan sebaiknya harus mengawal bentuk-bentuk hiburan yang boleh melalaikan. Kementerian Komunikasi dan Digital memainkan peranan penting dengan menapis atau mengawal hiburan di kaca televisyen mahupun di media sosial. Pengawasan program hiburan bukan bermaksud menghalang remaja daripada berhibur, namun lebih menjurus kepada langkah awal bagi membendung budaya negatif ke atas diri remaja. Sebaliknya memperkayakan program keilmuan yang boleh menghapuskan budaya hedonisme sekaligus menyemarakkan budaya keilmuan dalam kalangan generasi muda.

Ibu bapa antara golongan yang memainkan peranan penting dalam memantau tingkah laku anak-anak supaya tidak terjebak dengan aktiviti menyalahi agama dan boleh merosakkan akhlak. Pemantauan ke atas anak-anak perlu ditingkatkan agar mampu mengawal tindakan yang tidak sepatutnya berlaku. Ibu bapa disarankan mengambil cakna dengan pergaulan dan pergerakan anak-anak mereka agar masalah sosial dapat dibendung. Masa yang terluang boleh diisi dengan pelbagai aktiviti berfaedah dengan anak-anak seperti bersukan, berbasikal, berkuda, memanah, bermotosikal, mendaki gunung dan lain-lain. Selain itu, melancong dan bercuti dapat menikmati pemandangan indah dan menarik yang memberi ketenangan kepada jiwa. Aktiviti hiburan seumpama itu diterima dalam Islam sebagai amalan yang harus dan digalakkan. Dengan adanya masa bersama, kasih sayang antara ibu bapa dengan anak-anak akan terus dieratkan dan anak-anak tidak akan rasa dirinya terabai.

Budaya hedonisme perlu dikawal supaya anak muda dapat mengawal nafsu yang sentiasa mendorong ke arah keseronokan. Perkembangan teknologi alaf baru hanya dihujung jari membolehkan sebarang maklumat tidak sepatutnya tersebar luas. Anak muda yang kuat rasa ingin tahu akan terus mencuba tanpa mempertimbangkan antara baik dan buruk sesuatu tindakan.

Sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak dan institusi dapat mengawal anak muda daripada terus hanyut dengan budaya yang mementingkan keseronokan dan kesenangan ini. Menurut kenyataan Mufti Wilayah Persekutuan Sahibus Samahah Dato' Seri Dr Zulkifli Al-Bakri dalam Bayan Linas siri ke 179 yang diterbitkan pada 14 Julai 2019, beliau menyatakan bahawa Jabatan Mufti Wilayah berpandangan mengharuskan nyayian dan muzik selagi tidak mempunyai unsur seperti arak, pergaulan bebas tanpa batas, lirik menyalahi syariah dan aqidah Islam serta melalaikan pendengar dan pengamal muzik daripada kewajipan agama. Hakikatnya kemahuan untuk berhibur adalah tidak salah, namun hiburan tersebut harus dibatasi dengan ajaran Islam supaya selari dengan aspek nilai, budaya dan adat yang diamalkan oleh masyarakat negara ini. Dengan itu, gaya hidup yang berpaksikan hiburan melampau perlu dicegah dari awal kerana kesannya boleh menjejaskan matlamat negara dalam melahirkan masyarakat yang kuat dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi.



KESELAMATAN MAKANAN: KRISIS DAN NATIJAH

Oleh: Wan Nur Syifa' binti Wan Mohd Yusri

Krisis Keselamatan Makanan kepada Krisis Kesihatan

Krisis keselamatan makanan sering menjadi isu yang dibahaskan saban tahun, lebih-lebih lagi apabila membabitkan masalah kesihatan. Pasti, makanan yang tidak selamat berupaya mengancam kesihatan tubuh badan manusia di seluruh dunia. Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) menganggarkan 600 juta kes penyakit bawaan makanan dilaporkan setiap tahun. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut memaklumkan daripada 600 juta penduduk segenap dunia, seorang daripada sepuluh orang dijangkiti pelbagai penyakit akibat daripada memakan makanan yang tercemar dengan bakteria, virus mahupun bahan-bahan kimia. Lebih membimbangkan, sejumlah 420,000 orang telah mati setiap tahun, iaitu 40% daripada jumlah tersebut merupakan kanak-kanak yang berusia di bawah lima tahun. Masalah kesihatan berpunca daripada makanan dilihat sebagai isu yang serius apabila mencatat jumlah kematian yang besar. Di Amerika Syarikat, kes kematian akibat keracunan makanan mencecah sehingga 48 juta setiap tahun, dan secara puratanya mengakibatkan 3000 kematian dalam masa setahun.

Berdepan dengan krisis keselamatan makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 228 kes keracunan makanan pada tahun 2020 dan 197 kes pada tahun 2021. Hakikatnya, masalah kesihatan yang berpunca daripada makanan sememangnya menjadi cabaran besar kepada setiap negara. Memandangkan industri makanan sentiasa mendapat tempat, di samping menjadi salah satu penyumbang terbesar kepada sektor ekonomi negara maka, membuka peluang kepada pelbagai pengeluar tempatan dan antarabangsa mengeluarkan dan memasarkan produk makanan. Ditambah pula, dengan perkhidmatan jualan makanan secara atas talian yang turut merancakkan industri makanan sedia ada. Namun, tanpa sedar keghairahan menghasilkan kepelbagaian produk makanan sedikit sebanyak menjejaskan kualiti dan keselamatan makanan. Perkara ini menjadi cabaran kepada negara bagi memastikan produk makanan di pasaran berkualiti dan selamat.

Kehadiran wabak COVID-19 turut memberi cabaran besar buat negara-negara dunia, termasuk Malaysia dalam membendung aspek keselamatan makanan sejajar dengan aspek kesihatan. Sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar tempatan dan antarabangsa, wabak COVID-9 turut berpunca daripada makanan yang dimakan iaitu haiwan yang membawa virus tersebut. Februari 2021, Awani melaporkan kajian yang diketuai oleh penyelidik dari Singapura telah mengesan kehadiran virus mirip Sars-CoV-2 dalam spesis kelawar ladang kuda (*horseshoe bat*). Virus yang dikenali sebagai RacCS203 tersebut mempunyai persamaan 91.5% dengan SARS-CoV-2 iaitu virus penyebab COVID-19. Selain itu, virus tersebut turut berkait rapat dengan koronavirus lain iaitu RmYN02 yang juga terdapat pada kelawar di Wilayah Yunan, China dengan persamaan genetik 93.6%. Dalam pada itu, laporan WHO, Januari 2021 turut memutuskan kemungkinan besar COVID-19 merebak kepada manusia daripada kelawar melalui haiwan perantara. Walau bagaimanapun, faktor kemunculan wabak ini masih dalam kajian pelbagai pihak termasuk WHO.

Terbaharu, Malaysia turut berdepan dengan isu keselamatan makanan dengan kedatangan bulan Ramadan yang menyajikan jualan pelbagai jenis makanan di bazar. Berita Harian melaporkan dua

orang kanak-kanak mengalami keracunan makanan sehingga di masukkan ke hospital akibat memakan makanan yang dibeli dari bazar Ramadan. Akibatnya, kedua-dua mereka mengalami cirit-birit dan muntah yang teruk. Sebelumnya, seramai 60 orang murid sekolah di Petaling Jaya turut mengalami keracunan makanan yang berpunca daripada makanan yang disediakan oleh program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) sekolah apabila majoriti daripada murid-murid yang terlibat adalah mereka yang menerima menu dari program tersebut. Di samping itu, isu tahap kebersihan dalam penyediaan makanan oleh penjaja juga turut menjadi bualan ramai mutakhir ini, sejak penemuan gumpalan rambut dalam kuih dan beberapa ekor ulat pada makanan yang di jual di bazar. Seiring dengan isu dan cabaran yang timbul penting untuk masyarakat yang terlibat dengan industri makanan termasuk pengguna atau pembeli untuk cakna dengan aspek kualiti dan keselamatan makanan untuk jaminan aspek kesihatan tubuh badan.

Punca Pencemaran Makanan

Dalam usaha mengatasi isu dan cabaran berkaitan keselamatan makanan, perkara pertama yang perlu dikenalpasti adalah punca-punca yang menjadikan sesuatu makanan itu tercemar. Tiga punca pencemaran makanan adalah pencemaran fizikal, biologi dan juga kimia. Pencemaran fizikal berlaku apabila makanan tercemar dengan bendasing seperti rambut, cebisan kaca, paku atau lain-lain. Pencemaran biologi pula terjadi apabila makanan dicemari dengan bakteria, kulat dan virus manakala, pencemaran kimia berlaku apabila makanan diletakkan aditif makanan berlebihan, terdedah dengan bahan pencuci kimia mahupun racun serangga. Sehingga kini sebanyak 340 aduan diterima oleh Pusat Aduan Khidmat Pengguna Nasional setiap tahun seperti penemuan lipas di dalam *muffin*, kaca di dalam roti dan tauhu goreng yang mengandungi kulat. Aduan yang diterima merupakan pencemaran makanan secara fizikal dan biologi yang tidak asing berlaku di Malaysia. Makanan-makanan ini telah dicemari dengan bendasing yang bukan sahaja bakal mengakibatkan keracunan makanan tetapi juga mendatangkan kecederaan.

Selain itu, terdapat juga bakteria, kulat dan virus yang dikenal pasti menjadi ejen pencemar dalam makanan seperti *Campylobacter pylori*, *Salmonella* atau *Escherichia Coli* (*E.Coli*) dan *Norovirus* iaitu virus yang menyebabkan muntah-muntah. Pencemaran makanan yang berlaku berpunca daripada pencemaran silang yang terjadi apabila bakteria telah berpindah dari orang, objek atau permukaan ke atas makanan yang terdedah. Dalam hal ini, bakteria atau virus bertindak membiak pada makanan mentah, serangga, haiwan perosak, tanah dan udara. Berkait dengan penularan virus Sars-CoV-2, laporan WHO sendiri tidak menolak kemungkinan penularan virus berlaku menerusi daging sejuk beku yang dimakan. Keadaan ini disebabkan keupayaan virus tersebut bertahan dalam suhu amat sejuk, lantas berlaku penularan menerusi produk rantai makanan atau produk sejuk beku.

Tidak dinafikan, bakteria yang telah singgah pada makanan berupaya membiak dari satu hingga dua juta bakteria dalam tempoh 7 jam sekiranya berada pada kedudukan suhu dan kelembapan yang bersesuaian. Demikian, makanan yang telah dicemari oleh bakteria-bakteria ini mungkin kelihatan normal namun, rata-rata makanan yang telah rosak akan berubah fizikal seperti bau, warna, tekstur dan rasa. Secara normal, makanan yang tercemar akan kelihatan berlendir dan mengeluarkan bau masam yang tidak menyenangkan.

Kaedah Pengendalian untuk Keselamatan Makanan

Memandangkan kebersihan merupakan aspek penting mengatasi masalah pencemaran makanan maka, pengendali makanan termasuk individu yang memasak, menyediakan dan juga menjual makanan wajib mengambil berat tentang isu kebersihan. Pengguna dan pengendali makanan seharusnya bijak mengesan tanda-tanda pencemaran ini dan perlu mempraktikkan diri mengamalkan 'lihat', 'hidu' dan 'rasa' terlebih dahulu sebelum menjamah atau menyajikan makanan tersebut.

Di samping itu, penyimpanan bahan-bahan mentah juga merupakan aspek utama pencegahan keracunan makanan. Terdapat suhu yang digelar "*danger zone*" iaitu suhu yang membenarkan pembiakan bakteria dengan pantas seawal tempoh 20 minit. Suhu "*danger zone*" bagi makanan ini adalah 5°C sehingga 63°C. Oleh yang demikian, bahan-bahan mentah seperti daging, ayam dan ikan wajib disimpan di dalam peti sejuk dengan suhu kurang dari 5°C. Bakteria pada bahan mentah dalam suhu 5°C akan menjadi tidak aktif manakala, dalam suhu 63°C pula akan mematikan akibat tidak tahan dengan suhu tersebut. Sehubungan dengan itu, makanan perlu dipanaskan dalam suhu yang melebihi 63°C untuk mematikan bakteria demi mencegah keracunan makanan sama ada kepada pengendali atau pengguna.

Dalam usaha mengawal dan memantau aspek keselamatan dan kualiti makanan, KKM telah menubuhkan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM). Lantaran itu, KKM turut mewajibkan pengendali makanan untuk mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Beberapa garis panduan juga telah dikeluarkan oleh KKM untuk dijadikan rujukan pengendali makanan seperti Pengiktirafan BeSS (Bersih, Selamat dan Sihat), Garis Panduan dan Kod Etika Perkhidmatan Restoran, Garis Panduan Sistem Kebolehesanan Makanan dan Garis Panduan Sistem Penggredan Premis Makanan. Selain menggubal peraturan-peraturan berkaitan keselamatan dan kualiti makanan serta melaksanakan Akta Makanan 1983, BKMM bertanggungjawab menyediakan Latihan Pengendali Makanan kepada individu-individu yang terlibat dengan sektor makanan.

Kursus pengendalian makanan antara inisiatif kerajaan demi mengekang isu keracunan makanan. Pengendali makanan merupakan individu yang pertama terbabit dalam rantai makanan bermula dari penyimpanan, pemprosesan dan penyediaan makanan sebelum sampai kepada pengguna. Latihan Pengendali Makanan (LPM) merangkumi segala aspek bermula dari kebersihan personal sehingga kebersihan persekitaran. Kursus ini mendedahkan tentang kepentingan kebersihan diri seperti berpakaian kemas, tidak merokok, berkuku pendek serta membasuh tangan mengikut langkah-langkah yang betul. Selain itu, pengendali makanan turut didedahkan dengan amalan pengendalian makanan yang betul seperti memakai sarung tangan dan mencuci perkakas di tempat yang sepatutnya. Para pengendali makanan juga perlu peka terhadap penyimpanan perkakasan dan penggunaan perkakas yang telah rosak. Di samping itu, premis makanan juga haruslah bebas dari binatang perosak seperti lipas dan tikus yang merupakan pembawa kepada penyakit sekiranya disebarkan kepada makanan.

Usaha menjamin kualiti dan keselamatan makanan menuntut pengendali makanan mendapatkan suntikan *tifoid* dan wajib memperbaharui suntikan tersebut setiap tiga tahun sekali selagi masih bekerja di dalam industri makanan. Hal ini berikutan *tifoid* atau lebih sinonim dengan panggilan demam kepialu dalam kalangan masyarakat boleh mengakibatkan kematian. Oleh yang demikian, suntikan *tifoid* merupakan salah satu inisiatif mengekang penyebaran wabak ini yang turut berpunca dari bakteria *Salmonella typhi*.



Isu keselamatan makanan tidak seharusnya dipandang remeh. Pelbagai pihak seperti kerajaan, pengguna dan pengendali makanan perlu cakna isu keselamatan makanan demi memastikan kesejahteraan bersama. Pada masa ini, makanan dan minuman bukan sahaja dijual di restoran-restoran dan premis-premis makanan tetapi juga secara atas talian. Hal ini menjadi satu cabaran kerana isu-isu keselamatan makanan akan menjadi lebih sukar diawasi dan ditangani. Walau bagaimanapun, usaha mempromosi aspek keselamatan makanan perlu ditingkatkan lebih-lebih lagi dengan adanya platform seperti *facebook*, *twitter* dan *tiktok*. Isu keselamatan makanan yang dipromosikan melalui media sosial akan lebih mudah untuk disasarkan kepada masyarakat dari pelbagai golongan dari remaja hinggalah dewasa. Pendidikan mengenai isu keselamatan makanan dapat membuka mata rakyat demi mencegah episod keracunan makanan yang pernah berlaku di seluruh negara.

EKONOMI



DIMENSI MISKIN BANDAR DI ERA COVID-19

Oleh: Dr. Farah Farhana Johari

Realiti Miskin Bandar

Miskin bandar merupakan suatu fenomena yang tidak pernah berkesudahan dan sentiasa dibincangkan dari semasa ke semasa. Sinar Harian, pada September 2021 melaporkan kadar kemiskinan negara telah meningkat kepada 8.4% berbanding 5.6% sebagaimana yang direkodkan pada tahun 2019. Jumlah kemiskinan isi rumah yang dianggarkan ialah dari 405,000 pada tahun 2019 meningkat kepada 640,000 pada tahun 2021.

Pada dasarnya, kemiskinan terbahagi kepada dua bentuk, iaitu kemiskinan relatif dan kemiskinan mutlak. Kebiasaannya, kemiskinan relatif terkait dengan perbandingan agihan pendapatan seseorang individu dengan individu lain. Manakala, kemiskinan mutlak pula merujuk kepada ketidakupayaan seseorang individu atau isi rumah dalam memenuhi keperluan asas yang minimum seperti makanan, minuman, tempat kediaman, pendidikan dan perubatan. Keperluan-keperluan tersebut sememangnya penting bagi mengukur tahap kemiskinan lebih-lebih lagi di bandar.

Ada apa pula dengan miskin bandar? Mengapa tidak miskin luar bandar? Realitinya, kemiskinan di bandar berbeza dengan kemiskinan di luar bandar kerana diliputi oleh ekosistem dan kos sara hidup yang turut berbeza. Jika suatu ketika dahulu kemiskinan sering kali dikaitkan dengan luar bandar, namun kini sebaliknya yang berlaku. Suasana persekitaran dan gaya hidup berbeza di bandar berupaya meningkatkan kos perbelanjaan harian berbanding di luar bandar. Tambahan pula, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) menegaskan bahawa terdapat lebih ramai golongan miskin di bandar berbanding luar bandar.

Hakikatnya, isu ini sentiasa menarik perhatian pihak kerajaan sehingga tersenarai dalam pelan pembangunan negara Malaysia. Salah satu strategi dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), telah memberi fokus terhadap ekonomi berteraskan rakyat. Dalam hal ini, kerajaan menumpukan kepada kepentingan rakyat, termasuk peluang pekerjaan, perniagaan kecil, kos sara hidup, kesejahteraan keluarga, dan penyertaan masyarakat. Usaha kerajaan dalam pembasmian kemiskinan ini bukan sahaja dilihat dalam RMK-11, malah sejak tahun 1971-1990 menerusi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Sehingga tahun-tahun berikutnya isu pembangunan ekonomi seiring menghapus jurang kemiskinan masyarakat Malaysia tidak pernah dilupakan sama sekali. Tambahan pula, isu kemiskinan berupaya memberi impak kepada pembangunan negara.

Selain itu, isu miskin bandar juga turut mendapat perhatian media massa yang turut berperanan memberi kesedaran kepada pihak-pihak berkepentingan. Saban tahun, isu ini sering sahaja menghiasi keratan-keratan akhbar. Buktinya, Sinar Harian pada Ogos 2019 telah mengupas isu ini dengan menggambarkan suasana miskin bandar di Malaysia beserta pelbagai inisiatif daripada pihak berkepentingan. Terbaharu, Harian Metro pada Februari 2021 melaporkan hasil perbualan khusus dengan seorang Profesor dari Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), tentang isu miskin bandar ini dari perspektif ahli akademik. Terserlah fenomena miskin bandar bukan sahaja popular dalam kalangan media tempatan malah, ahli akademik yang turut melakukan kajian dari masa ke masa.

Ternyata isu ini sering menjadi perhatian secara langsung mahupun tidak langsung sama ada dari segi inisiatif pelan pembangunan negara mahupun untuk kesejahteraan rakyat. Walaupun pelbagai langkah telah diambil dengan melibatkan komitmen pelbagai pihak, namun masalah miskin bandar terus berkembang sehingga hari ini. Situasi ini menimbulkan pelbagai persoalan, apakah faktor atau punca berlakunya miskin bandar di Malaysia? Mengapa isu ini tidak pernah berpenghujung?

Miskin Bandar dan Dampak Pandemik

Tatkala Malaysia masih berdepan dengan fenomena miskin bandar, kehadiran pandemik COVID-19 menambahkan kesulitan sedia ada, sehingga berupaya melumpuhkan pembangunan ekonomi sejagat. Dalam hal ini, banyak sektor ekonomi perlu berhenti daripada pengoperasiannya sehingga sebahagiannya terpaksa ditutup. Pastinya, tindakan ini sebagai langkah mengurangkan penularan wabak penyakit berjangkit ini. Pada hakikatnya, penutupan sektor-sektor ekonomi tertentu bukan sahaja menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara malah, berkait rapat dengan punca pendapatan seseorang pekerja. Berdasarkan rekod daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), seramai 81,000 pekerja telah diberhentikan kerja susulan daripada pandemik COVID-19. Menurut Menteri Sumber Manusia, jumlah pekerja yang kehilangan kerja akibat krisis kesihatan dunia ini juga telah meningkat kepada 155,893 orang bermula tahun 2020 hingga Julai 2021. Bilangan tersebut bukanlah jumlah yang sedikit malah, amat membimbangkan lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik yang masih tidak menunjukkan tanda-tanda akan berakhir.

Realitinya, pandemik COVID-19 ini sebenarnya telah memberi kesan yang sangat ketara terhadap landskap pekerjaan di Malaysia. Sekatan pergerakan dan penutupan sektor-sektor ekonomi secara tidak langsung memaksa majikan mengambil tindakan drastik dengan mengurangkan hari bekerja, menurunkan gaji pekerja dan memberhentikan pekerja akibat ketidakupayaan meneruskan pengoperasian. Tinjauan Ekonomi dan Monetori 2020 oleh Bank Negara Malaysia (BNM) melaporkan angka rasmi Survey Tenaga Buruh (*Labour Force Survey, LFS*) menunjukkan penurunan ketara guna tenaga daripada 15.1 juta orang pada tahun 2019 kepada 14.9 juta orang pada suku kedua 2020. Hal ini disebabkan oleh pekerja yang diberhentikan dan kontrak yang tidak diperbaharui. Laporan sama turut memaparkan peningkatan terhadap kadar pengangguran kepada 5.1% iaitu 791,800 orang pada suku kedua tahun 2020, yang merupakan angka tertinggi pernah dicatatkan sejak 1980-an. Ternyata, krisis pandemik COVID-19 ini memberi kesan besar terhadap punca pendapatan majoriti pekerja di Malaysia.

Apabila berbicara mengenai punca pendapatan tentunya akan berkait rapat dengan kos sara hidup seseorang individu. Kos sara hidup pula bergantung kepada pendapatan seseorang dalam pekerjaan. Hilangnya punca pendapatan atau pekerjaan maka, hilang juga sumber untuk menyara kehidupan. Hal ini pasti memberi kesan terhadap golongan yang bergantung kepada sumber pendapatan daripada pekerjaan mereka. Kesan ini lebih membimbangkan bagi mereka yang tinggal di bandar kerana kos sara hidup yang lebih tinggi berbanding luar bandar. Berita Harian, tahun 2021 melaporkan bahawa jumlah penduduk bandar jatuh dalam kategori miskin lebih tinggi iaitu 223,300 berbanding luar bandar iaitu 182,100. Dalam pada itu, Malaysia Kini melaporkan sebanyak 580,000 isi rumah dari golongan berpendapatan sederhana telah tergelincir ke dalam kategori 40 peratus (B40) kerana kemerosotan ekonomi yang berpunca daripada pandemik COVID-19. Situasi pandemik yang berlaku telah memburukkan keadaan dengan peningkatan jumlah golongan miskin bandar sedia ada.

Dimensi Miskin Bandar di Malaysia

Dari sudut pandang ahli akademik, Zahanim Ahmad menerusi kertas Persidangan Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK5 2020), menyifatkan miskin bandar sebagai fenomena multi-dimensi disebabkan oleh berbagai faktor yang bersifat kumulatif. Beliau juga turut berpandangan bahawa ketidaksempurnaan perancangan dan sokongan merupakan faktor penyebab utama kemiskinan bandar. Antara faktor penyebab kemiskinan bandar yang disebut adalah kepesatan urbanisasi dan pertumbuhan bandar. Kedua-dua faktor ini sudah berupaya membawa kepada kemiskinan bandar. Selain itu, sistem MURNInets (*Malaysian Urban Indicators Network*) yang telah memperincikan beberapa dimensi yang perlu diambil kira dalam mengukur dan menilai kemampuan bandar. Antaranya, ekonomi yang berdaya saing, kualiti alam sekitar lestari, komuniti sejahtera, guna tanah dan sumber asli optimum, infrastruktur dan pengangkutan yang efisien dan urus tadbir yang efektif. Kesemua yang digariskan merupakan penunjuk-penunjuk yang berupaya mengekalkan kemampuan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya.

Di Malaysia, kemiskinan yang sering dirujuk adalah kemiskinan mutlak kerana perbandingan yang sering dilakukan antara pendapatan isi rumah dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK secara ringkasnya ditakrifkan sebagai jumlah pendapatan purata yang diperlukan bagi sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan. Tidak dinafikan mutakhir ini, isu miskin bandar kerap kali dibicarakan rentetan peningkatan nilai PGK semasa sejak metodologi 2019 itu diumumkan. Menerusi kajian semula yang dilakukan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai PGK meningkat kepada RM 2208, berbanding RM 980 tahun sebelumnya. Pengkajian dan penetapan semula nilai PGK semasa ini dilakukan atas dasar metodologi 2015 yang dilihat sudah tidak lagi relevan berikutan kos sara hidup yang kian meningkat. Bagi kekal relevan dengan situasi semasa nilai PGK terbaharu telah dikemaskini dengan mengambil kira kaedah pengukuran kemiskinan pelbagai dimensi seperti kesihatan, pendidikan, perumahan, taraf hidup, akses kepada maklumat dan pendapatan bulanan isi rumah. Selaras dengan pembaharuan yang berlaku dalam mengukur tahap kemiskinan, secara tidak langsung menunjukkan peningkatan jumlah penduduk miskin bandar di Malaysia.

Dalam pada itu, krisis pandemik yang melanda negara turut memperlihatkan dimensi berbeza miskin bandar dari sebelumnya. Ketidacukupan dan ketidakstabilan pendapatan isi rumah akibat kehilangan pekerjaan mengubah hampir keseluruhan corak kehidupan masyarakat terutamanya di bandar. Dalam hal ini, penetapan gaji minimum RM 1200 juga dilihat sebagai cabaran bagi masyarakat di bandar apabila dalam masa yang sama perlu berdepan dengan krisis pandemik. Tambahan pula, kos membeli keperluan asas yang tinggi dengan kehilangan pekerjaan mempamerkan ketidakseimbangan dalam kehidupan masyarakat di bandar untuk kekal sejahtera. Profesor Dr. Zaid Ahmad, pensyarah di Fakulti Ekonomi UPM menegaskan bahawa ukuran kemiskinan bandar tidak seharusnya terhad kepada kuasa beli semata-mata namun, perlu mengambil kira ekosistem pelbagai dimensi seperti kualiti hidup, pendidikan berkualiti, perumahan, kesihatan, akses maklumat, rekreasi dan kesejahteraan hidup sepenuhnya. Keseluruhannya perlu diambil kira dalam mengukur tahap kemiskinan lebih-lebih lagi mereka yang tinggal di bandar.



Secara realitinya, miskin bandar bukanlah perkara yang boleh terhapus dengan mudah, malah komitmen dan kerjasama pelbagai pihak amat diperlukan. Walaupun kerajaan dilihat sentiasa melakukan pengkajian semula terhadap pendapatan isi rumah sebagai langkah menangani miskin bandar, namun isu ini masih kekal menjadi fenomena sehingga hari ini. Sebagaimana laporan tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan isi rumah kategori miskin tegar telah meningkat kepada 639.8 ribu pada tahun 2020 berbanding 405.4 ribu pada tahun 2019. Miskin tegar disini ialah golongan yang berpendapatan kurang daripada PGK iaitu RM 2208. Sedikit sebanyak jumlah ini memaparkan Malaysia berada di paras bahaya dalam mendepani isu kemiskinan.

Kerajaan menerusi RMK-11, juga telah menetapkan ukuran relatif bagi memantau jurang pendapatan antara golongan miskin, pertengahan dan kaya. Sebagaimana pengkelasan isi rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terbahagi kepada tiga iaitu *Bottom 40%* (B40), *Middle 40%* (M40) dan *Top 20%* (T20). Terbaharu, kerajaan turut memperkenalkan pengkelasan baharu iaitu B40 kepada B1, B2, B3 dan B4; M40 kepada M1, M2, M3 dan M4 dan T20 kepada T1 dan T2. Ukuran ini antara inisiatif kerajaan bagi mengenal pasti golongan sasaran yang layak diberi bantuan dan subsidi sesuai dengan pendapatan masing-masing. Walau bagaimanapun, pengkelasan isi rumah ini adalah tidak tetap dan akan bergantung kepada penyata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Meskipun pelbagai jenis bantuan telah pun disalurkan kepada golongan yang berpendapatan rendah namun, miskin bandar masih tidak terhapus. Sejauh manakah bantuan kerajaan mampu mengubah corak miskin bandar di Malaysia? Apakah impak yang diperoleh golongan miskin yang sedia menerima inisiatif kerajaan?

Implikasi dan Tindakan Pembasmian Kemiskinan

Hakikatnya, miskin bandar bukanlah isu yang harus dipandang enteng kerana impaknya pasti memberi tamparan hebat terhadap negara-negara yang mengalaminya. Isu kemiskinan di Malaysia boleh dikatakan berada pada tahap membimbangkan. Ditambah pula dengan peningkatan jumlah individu yang diberhentikan kerja sejak pandemik COVID-19 membadaai negara. Kesannya, mengakibatkan peningkatan jumlah miskin bandar yang sedia ada. Situasi ini jelas memperlihatkan fenomena yang amat serius dan memerlukan tindakan sewajarnya. Inisiatif daripada diri sendiri juga perlu dalam mengatasi masalah belenggu kemiskinan ini. Masyarakat sendiri perlu mempunyai kesedaran yang tinggi, sekurang-kurangnya mempunyai simpanan untuk kegunaan situasi diluar jangka.

Dalam membincangkan hal ini juga, perancangan dan penilaian yang cukup teliti amat diperlukan bagi membasmi masalah miskin bandar di Malaysia. Kerajaan perlu melihat kepada rancangan jangka masa panjang bagi membendung serta menghapus masalah miskin bandar. Perkara yang jelas, bantuan demi bantuan yang disalurkan hanya bersifat sementara dan tidak berupaya membasmi masalah kemiskinan. Meningkatkan peluang pekerjaan untuk semua peringkat individu antara langkah wajar yang perlu dilaksanakan. Langkah yang lebih proaktif dalam membangunkan dasar negara adalah perlu demi mengeluarkan masyarakat Malaysia daripada belenggu kemiskinan, agar seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara.

SENARIO KRISIS MAKANAN DI MALAYSIA: KESAN SOSIOEKONOMI

Oleh: Dr. Nurul Suhada Ismail

Krisis Makanan Dunia

Fenomena ketidakcukupan makanan dan kebuluran adalah petanda wujudnya krisis makanan. Terdahulu, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerusi laporan yang dikeluarkan pada tahun 2006, menganggarkan terdapat 6 juta orang berdepan kelaparan di dunia pada tahun 1999 sehingga 2005. Belakangan ini, dunia sekali lagi dikejutkan dengan krisis makanan sehingga mencetuskan kebimbangan masyarakat dunia. Walhal, negara-negara dunia baru sahaja berdepan ancaman krisis kesihatan, COVID-19 dan krisis alam sekitar yang turut memberi tekanan kepada pasaran makanan. Ditambah pula, krisis peperangan antara Ukraine dan Russia yang berpanjangan, perubahan iklim dan peningkatan kadar inflasi yang turut memberi kesan terhadap kenaikan harga makanan dunia. Kesannya, kenaikan harga makanan dan eksport bekalan makanan yang tidak menentu daripada kedua-dua negara tersebut. Lebih-lebih lagi, Ukraine dan Rusia merupakan antara penyumbang terbesar minyak bunga matahari serta pengeksport gandum dan barli.

World Food Programme (WFP) dan *FAO* menganggarkan impak daripada situasi semasa menyebabkan ketidakselamatan makanan meningkat daripada 100 juta orang tahun 2021 kepada 161 juta orang pada tahun 2022. Malah, Setiausaha Agung, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menegaskan bahawa peperangan antara Ukraine dan Rusia juga telah menyebabkan 60 peratus daripada penduduk dari kawasan yang mengalami ketidakcukupan zat merasai kesan dari konflik ini. Lebih memburukkan lagi apabila India telah melarang eksport gandum yang memberi impak terhadap pasaran gandum dunia. Hal ini berikutan perubahan cuaca panas terik yang menjejaskan hasil tanaman dan harga gandum tempatan mencecah harga tertinggi. Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latif, Penganalisis Ekonomi Putra *Business School (PBS)*, menjelaskan keadaan ini bakal berlarutan kerana bergantung kepada faktor cuaca dan permintaan gandum di pasaran tempatan dan global. Secara asasnya, peningkatan harga komoditi global telah memberi kesan kepada inflasi makanan. Sudah tentu situasi ini akan memberi kesan kepada kemampuan dan perbelanjaan isi rumah.


Realiti Krisis Makanan di Malaysia

Harga barangan makanan di Malaysia terus melonjak naik kesan daripada krisis makanan dunia yang sedang berlaku. Peningkatan harga barangan makanan telah menjejaskan bekalan makanan dan kemampuan rakyat untuk membeli makanan. Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2022 melaporkan, sebanyak 184 item makanan daripada keseluruhan 552 item dalam "bakul" Indeks Harga Pengguna (IHP) telah mencatatkan peningkatan. Begitu juga dengan Indeks Harga Makanan telah mencecah 159.7 pada bulan Mac, iaitu kenaikan sebanyak 17.7% berbanding dengan bulan Januari. Kadar kenaikan indeks tersebut adalah paling mendadak sejak wujudnya indeks tersebut pada tahun 1990. Lebih mengusarkan lagi, IHP April 2022 telah meningkat 2.3 peratus daripada 123.1 kepada 125.9 sehingga menjadikan inflasi makanan pada April 2022 89.1% item makanan dan minuman mengalami kenaikan.

Senario yang berlaku ini membebankan orang ramai apabila harga barang makanan mentah terus meningkat naik sehingga menjejaskan kemampuan mereka untuk membeli. Buktinya, Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2022 melaporkan, inflasi makanan mengalami peningkatan bagi sayur-sayuran, daging dan ikan yang berpunca daripada kekurangan bekalan makanan serta kenaikan harga makanan ternakan. Laporan tersebut menunjukkan indeks ini meningkat bagi bahan mentah untuk memasak (4.1%); daging (7.8%); sayur-sayuran (5%); susu, keju dan telur (4.7%); minyak dan lemak (4.6%) serta ikan dan makanan laut (4.2%). Antara jenis makanan yang mengalami kenaikan harga pada April 2022 berbanding Mac 2022 ialah harga daging daripada RM 35.93/kg menjadi RM 36.26/kg; terung naik kepada RM 8.92/kg daripada RM 8.10/kg dan harga tembikai meningkat kepada RM 3.43/kg daripada RM 2.85/kg. Berita Harian pada Mei 2022 juga melaporkan harga sayuran dan hidupan laut meningkat secara mendadak sehingga kadar 50%. Rententan itu, masyarakat merasai perubahan nilai duit yang semakin mengecil dan kuantiti barang makanan yang semakin sedikit walaupun dengan kadar duit yang sama sebelum ini.

Peningkatan harga bahan mentah secara tidak langsung menyebabkan harga makanan yang siap dimasak turut meningkat. Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022 turut melaporkan peningkatan sebanyak 3.1% dan antara makanan tersebut ialah masakan berasaskan daging (6.3%), masakan berasaskan sayur-sayuran (4.7%), nasi berlauk (4.5%) serta sate (3.9%). Kesan daripada kenaikan harga bahan makanan, sudah pasti memberi impak kepada rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah. Apatah lagi, terdahulu kita melalui krisis pandemik COVID-19 yang menjejaskan ramai orang. Kini, krisis makanan dan kenaikan harga pula menghambat golongan yang sedia terkesan. Golongan ini diibaratkan sebagai sudah jatuh ditimpa tangga.

Berdasarkan indeks harga pengguna menunjukkan kenaikan harga barang makanan berlaku terhadap item makanan utama bagi rakyat Malaysia. Jika harga barang makanan berterusan meningkat pastinya akan mengurangkan kuasa beli, mengehadkan perbelanjaan dan meningkatkan kos sara hidup rakyat. Keadaan ini pastinya membawa kepada situasi yang lebih teruk seperti kelaparan dan kebuluran. Menurut *Global Hunger Index* (2021), Malaysia berada di tangga ke-58 daripada 116 buah negara dengan skor 12.8. Justeru, ini menggambarkan tahap situasi kelaparan di Malaysia berada di tahap yang sederhana.



(*Global Hunger Index, 2022*)

Walaupun situasi ini tidak ketara berlaku di Malaysia, namun masih ada lagi kes terpencil yang direkodkan berlaku. Namun, tidak dinafikan jika krisis makanan dan kenaikan harga barang makanan semakin berlarutan menyebabkan golongan T20 berubah kepada M40, M40 berubah kepada B40 serta golongan B40 akan menjadi semakin susah. Keadaan ini diperkukuh dengan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020, iaitu sebanyak 12.8% daripada kelompok T20 yang beralih kepada kelompok M40. Bahkan, agihan pendapatan untuk kelompok B40 juga telah menurun daripada 16% kepada 15.9% dan M40 semakin menurun daripada 37.2% kepada 36.9%. Akibatnya, rakyat merasai kesan yang lebih teruk apabila berlakunya kenaikan harga barang makanan kerana mereka tidak mampu untuk membeli makanan atau terpaksa mengurangkan pembelian makanan.

Krisis makanan dunia ini pastinya memberi impak kepada negara, khususnya masyarakat Malaysia yang masih lagi bergantung kepada makanan import. Pakar Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia, Prof Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad menegaskan, sektor pengeluaran makanan masih lagi rendah sehingga menjadikan bekalan makanan sering tidak stabil. Beliau juga menjelaskan bahawa pasaran makanan di Malaysia tidak memiliki kapasiti bertahan terhadap perubahan pasaran dan perubahan iklim. Hal ini pastinya membawa kepada ketidakstabilan bekalan dan stok makanan negara. Setiap tahun, Malaysia memperuntukkan RM 50 bilion bagi import bahan makanan asas termasuklah beras (30%), daging lembu (78%), daging kambing (90%) dan sayur kobis bulat (60%). Malaysia juga bergantung terhadap komoditi import seperti daging kambing, mangga, kelapa dan daging lembu untuk memenuhi keperluan tempatan. Import makanan ini khususnya daging kambing, 70% diimport dari Australia manakala mangga, kelapa dan daging lembu kebanyakan dari Thailand, Indonesia dan India. Laporan Bernama tahun 2022 juga, pada tahun 2021, Malaysia mengalami defisit RM 25 bilion kerana import agromakanan mencecah RM 64 bilion berbanding eksport RM 39 bilion. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh pakar ekonomi, Prof Emeritus Dr. Barjoyai Bardai bahawa berlaku peningkatan import barangan keperluan terutama produk makanan melebihi kadar 80%. Tuntasnya, kebergantungan negara terhadap bekalan makanan import menyebabkan sebarang perubahan harga import akan menjejaskan harga bahan makanan dalam negara. Akibatnya, harga barang makanan akan meningkat serta menjejaskan kemampuan rakyat untuk membeli.



Saranan Menghadapi Krisis Harga Makanan

Menurut penelitian pakar ekonomi, keadaan kenaikan harga barang dijangka akan terus melonjak naik berdasarkan situasi semasa. Laporan *World Bank* pada tahun 2022, harga makanan dijangka terus meningkat kira-kira 20% bagi tahun 2022 sebelum susut pada tahun 2023. Puncanya, gangguan bekalan makanan, peningkatan kos input makanan dan sekatan dasar di sesebuah negara. Hal ini menjadi suatu amaran dan penanda aras untuk negara serta rakyat khususnya untuk menghadapi situasi genting. Semua orang tidak terkecuali menerima tempias dan kesan langsung kenaikan harga makanan. Oleh yang demikian, tindakan atau inisiatif yang dilaksanakan seharusnya bersifat strategik dan proaktif bagi memastikan kestabilan sekuriti makanan kepada semua rakyat terjamin.



Dari sudut skala makro, pengukuhan bekalan makanan dan kecukupan stok makanan sewajarnya menjadi keutamaan negara. Utilisasi tanah seharusnya digunakan secara optimum memandangkan Malaysia memiliki sumber alam yang subur. Aktiviti pertanian dan perternakan perlu dipergiatkan bagi menampung keperluan makanan domestik sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada makanan import. Suntikan teknologi moden wajar diperluaskan kepada kelompok petani dan pengusaha kecil-kecilan agar mereka juga dapat menyumbang dalam kapasiti yang besar kepada bekalan makanan. Prof. Dr. Fatimah Kari, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya mengusulkan agar para petani kecil untuk membangunkan sektor pengeluaran makanan domestik dengan menggalakkan mereka untuk membuka aktiviti hiliran dan huluan dalam bidang perniagaan tani.

Selain aspek bekalan makanan, aksesibiliti makanan merupakan salah satu faktor untuk menjamin sekuriti makanan. Mekanisme harga makanan seharusnya dikawal dan dipantau oleh kerajaan secara konsisten bagi memastikan semua kategori masyarakat mampu membeli makanan. Hal ini kerana aksesibiliti masyarakat kepada makanan dapat mengatasi masalah kebuluran dan kelaparan. Malah, trend penggunaan makanan dalam kalangan masyarakat juga sewajarnya perlu bersederhana untuk mengelak pembaziran makanan.

Kesimpulannya, jaminan kestabilan sekuriti makanan sewajarnya dipandang serius dan ditangani bersama-sama oleh semua pihak di peringkat negara, pembuat dasar, pengeluar, pengilang dan pengguna. Sinergi antara kesemua pihak ini penting bagi memastikan kelestarian kecukupan bekalan makanan, aksesibiliti makanan dan kualiti makanan. Hal ini secara tidak langsung mengelakkan situasi kelaparan dan kekurangan zat berlaku di Malaysia.

AGAMA



KEPIMPINAN MENERUSI TAULADAN, MANIFESTASI KEPIMPINAN BEBAS RASUAH

Oleh: Dr. Farah Farhana Johari

Pemimpin dan Politik Rasuah

Politik dunia merupakan isu sejagat yang tidak pernah berkesudahan lebih-lebih lagi apabila melibatkan rasuah dalam kalangan pucuk pimpinannya. Di Malaysia bermula Oktober lalu isu politik rasuah bertiup kencang dalam kalangan masyarakat ditambah pula dengan pengisytiharan pembubaran parlimen. Serentak dengan itu, selain pilihan raya, Malaysia kembali berdepan dengan perubahan pucuk pimpinan negara. Pertukaran pemimpin silih berganti namun masalah berkaitan rasuah, pecah amanah melibatkan golongan pemimpin tidak pernah bernoktah. Laporan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia bagi tahun 2021 memperlihatkan Malaysia berada di kedudukan ke-62 berbanding ke-57 pada tahun 2020. Suatu situasi yang tidak seharusnya berlaku bagi negara Islam seperti Malaysia.

Dalam konteks semasa, kajian persepsi keberkesanan tindakan pencegahan rasuah oleh SPRM tahun 2020 yang menunjukkan tanggapan masyarakat terhadap rasuah di sektor politik paling tinggi dengan catatan 79.3%. Kajian yang dilakukan SPRM dilihat selari dengan kajian *Transparency International*, tentang persepsi rakyat terhadap pemimpin negara. Sememangnya masyarakat bersetuju bahawa pemimpin politik paling ramai terlibat dengan rasuah. Sukar untuk menolak akan hakikat tersebut kerana mutakhir ini masyarakat sering sahaja dihidangkan dengan isu rasuah lebih-lebih lagi melibatkan golongan pemimpin negara. Pada September 2021 Malaysia telah dikejutkan dengan kes rasuah pemimpin dalam organisasi kerajaan iaitu pegawai kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sendiri.

Berikutnya, tahun 2022 isu politik rasuah terus menerus menjadi bualan masyarakat apabila timbul pula kes rasuah melibatkan beberapa orang pemimpin parti politik negara termasuk parti politik yang berteraskan Islam. Dalam pada itu, terdapat juga kes rasuah berprofil tinggi melibatkan mantan Perdana Menteri Malaysia sehingga dihukum penjara selama 12 tahun. Amat menyedihkan, perkara sebegini tidak seharusnya berlaku dalam kalangan mereka yang bergelar pemimpin negara Islam. Lebih memeranjatkan kesemua mereka yang terlibat terdiri dalam kalangan pemimpin negara dan organisasi. Dalam Islam perbuatan rasuah dan seumpamanya adalah dilarang sama sekali ke atas umatnya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 188 yang bermaksud,

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”.

Ayat tersebut jelas bahawa Allah SWT melarang perbuatan rasuah. Hal ini kerana perbuatan rasuah sama ada memberi atau mengambilnya adalah haram dan dicela oleh Allah SWT. Meskipun al-Qur'an menjelaskan pengharaman kepada pemberi dan penerima rasuah namun, mengapa isu ini terus menerus membelenggu golongan yang bergelar pemimpin berbanding golongan lain? Adakah disebabkan kurangnya sifat kepimpinan atau kerana lebih dikuasai oleh sifat tamak dalam diri seseorang individu yang terbabit? Dan apakah pula impak terhadap golongan ini apabila dikesan terbabit dengan kes rasuah?



Kesan dan Sejarah Kejatuhan Pemimpin Dunia

Pada dasarnya, amalan rasuah bukan sahaja menatijahkan impak yang besar terhadap pertumbuhan negara malah organisasi dan individu sendiri. Tanpa disedari, kesan kepimpinan berteraskan amalan rasuah telah membuktikan kejatuhan ramai pemimpin negara dunia seperti Nawaz Sharif, Suharto dan Najib Razak. Tambahan pula, kisah kejatuhan mereka akibat perbuatan rasuah telah menjadi bualan dan sebutan seluruh masyarakat dunia.

• Nawaz Sharif

Nawaz Sharif merupakan mantan Perdana Menteri Pakistan yang dianggap terlibat dengan kes rasuah berprofil tinggi dalam kepimpinan beliau. Hal ini kerana kes rasuah terbabit tidak hanya melibatkan beliau seorang tetapi juga ahli keluarga yang lain termasuk anak perempuannya sendiri. Sekitar Julai 2017, beliau dilucutkan jawatan sebagai Perdana Menteri dengan arahan prosiding terhadap beliau dan ahli keluarga oleh Mahkamah Agung. Kemudian, 24 Disember 2018, beliau dijatuhi hukuman penjara 7 tahun oleh Mahkamah Akauntabiliti berkaitan kes rasuah melibatkan kilang keluli di Arab Saudi dan dihantar ke Penjara Kot Lakhpat di Lahore untuk menjalani hukuman. Perkembangan tersebut turut mempengaruhi kepimpinan beliau dalam Parti Pemerintah Liga Muslim Pakistan (PML-N) sebagai ketua pimpinan.

• Mohamed Suharto

Mohamed Suharto merupakan mantan Presiden Indonesia yang terbabit dengan skandal rasuah selama 31 tahun pemerintahannya sejak tahun 1967 sehingga tahun 1998. Dalam kepimpinan beliau, Suharto tersenarai sebagai pemimpin korup tertinggi oleh *Transparency International* dengan anggaran jumlah penyelewengan sekitar AS 15 bilion hingga AS 35 bilion. Pada mulanya, Suharto gagal didakwa atas jenayah yang dilakukan berikutan komplikasi kesihatan. Walau bagaimanapun, mahkamah Jakarta Selatan negeri menegaskan untuk melanjutkan dakwaan terhadap beliau dengan menolak alasan faktor kecergasan fizikal dan mental sebagai tidak munasabah untuk menangguhkan pendakwaan. Namun, kematian Suharto pada Januari 2008 secara tidak langsung menghentikan proses pendakwaan terhadapnya. Selepas kematian beliau kes rasuah Suharto tidak tamat begitu sahaja, enam orang anak beliau diarah menggantikannya sebagai defendan. Pada Julai 2015 Mahkamah Agung Indonesia mengarahkan anak Suharto dan Yayasan Beasiswa Supersemar membayar balik wang yang diseleweng beliau berjumlah AS 450 million.

• Najib Razak

Najib Razak mencipta sejarah tersendiri dalam penyelewengan dana negara semasa era kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia. Beliau menjadi mantan Perdana Menteri pertama negara yang dipenjarakan kerana jenayah penyelewengan dana seperti SRC International Sdn Bhd, 1 Malaysia Development Bhd (1MDB) berjumlah RM 42 juta. Setelah empat tahun kes tersebut dibicarakan, beliau akhirnya dijatuhi hukuman penjara selama 12 tahun beserta denda RM 210 juta. Rentetan daripada itu, beliau kini sedang menjalani hukumannya di penjara Kajang. Meskipun sedang menjalani hukuman, beliau bakal berdepan dengan beberapa lagi perbicaraan berhubung kes lain. Najib Razak tidak berseorangan didakwa atas tuduhan kes rasuah, turut sama dibicarakan adalah isteri beliau iaitu Rosmah Mansor yang didakwa atas tuduhan kes yang berbeza. Disabitkan bersalah atas tiga pertuduhan meminta dan menerima suapan membabitkan projek hibrid solar, Rosmah Mansor dijatuhi hukuman penjara 10 tahun untuk setiap pertuduhan dan denda RM 970 juta, atau penjara 10 tahun.

Ternyata, sejarah telah memperlihatkan kesan buruk perbuatan rasuah terhadap pemimpin yang terjebak dengan jenayah tersebut. Kesannya bukan sahaja ke atas diri sendiri tetapi juga negara, organisasi dan keluarga. Kegagalan membela diri menyebabkan mereka perlu melalui kehidupan di penjara selama tempoh bertahun-tahun. Tambahan pula, konflik yang berlaku semasa pilihan raya baru-baru ini jelas membuktikan calon pemimpin yang terlibat dengan isu rasuah ditolak oleh masyarakat sehingga gagal mendapat tempat di bahagian yang dipertandingkan. Pemimpin yang berjaya pula diminta mengundurkan diri kerana kemenangan tersebut memberi kesan ke atas kegagalan parti secara menyeluruh. Ironinya, isu ketirisan integriti dalam kalangan pucuk pimpinan perlu kepada penyelesaian secara akar umbi agar tidak terus menerus membarah dalam kalangan masyarakat sejagat.

Teladani Sifat Kepimpinan Rasulullah dan Sahabat

Umumnya, kepimpinan merupakan aspek penting yang perlu diberi tumpuan bagi melahirkan pemimpin yang berintegriti, jujur dan amanah di sesebuah negara. Rasulullah SAW meninggalkan dua sumber rujukan utama al-Qur'an dan hadis sebagai panduan hidup orang Muslim. Kedua-duanya bukan sahaja penting untuk tujuan ibadah tetapi untuk keseluruhan aspek dalam kehidupan termasuk aspek kepimpinan. Rasulullah SAW sendiri merupakan ikon pemimpin yang terkenal dalam era kepimpinan Islam. Umum mengetahui sifat kepimpinan Rasulullah SAW yang bukan sahaja masyhur dalam aspek keagamaan tetapi juga aspek lain seperti politik dan ekonomi.

Dalam kepimpinan, terdapat pelbagai sifat Rasulullah SAW yang boleh diteladani termasuk sifat integriti yang tinggi dalam melaksanakan amanah sebagai pemimpin. Sifat amanah, *tabligh* (menyampaikan) dan *fatanah* (bijaksana) yang dimiliki Rasulullah juga menjadikan Baginda pemimpin yang wajar dicontohi. Seheggingan Baginda juga diberi gelaran *al-amin* atas sifat amanah dan jujur dalam memimpin negara. Dalam pada itu, semasa era kepimpinannya Rasulullah SAW sendiri pernah ditawarkan harta, pangkat, wanita dan kuasa oleh kaum Quraisy.

Namun, Baginda tidak pernah sama sekali menerima perkara-perkara yang ditawarkan. Dalam hal ini, pastinya Baginda menentang sekeras-kerasnya amalan rasuah. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, At-Tirmizi dan Ibn Majah bahawa Sayidina Abdullah ibn 'Amr R.A meriwayatkan:

“Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah”.

Demikian, sama ada seseorang itu bergelar pemimpin negara mahupun sesebuah organisasi, masyarakat perlu jelas bahawa memberi dan menerima rasuah adalah perbuatan yang dilarang sama sekali. Justeru, untuk menghindari kedua-dua bentuk amalan rasuah tersebut seseorang pemimpin perlu kembali kepada sumber utama yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW iaitu al-Qur'an dan hadis.

Berbincang lanjut mengenai isu ini, Abdullah bin Rawahah merupakan salah seorang sahabat Nabi yang turut memiliki keperibadian mirip Baginda. Ringkasnya, Abdullah bin Rawahah tidak hanya dikenali sebagai seorang penyair kesukaan nabi tetapi juga terkenal sebagai sahabat yang tegas dan jujur. Sifat jujur yang dimiliki beliau menjadi masyhur kerana begitu tegas menolak amalan rasuah. Peristiwa ini berlaku ketika beliau diarahkan oleh Nabi Muhammad SAW untuk mengira jumlah kurma sebagai menetapkan jizyah penduduk Yahudi di Wilayah Khaibar. Ketika itu, Abdullah bin Rawahah telah ditawarkan dengan pelbagai perhiasan supaya beliau mengurangkan jumlah jizyah ke atas mereka. Namun, beliau dengan tegas menolak tawaran penduduk Khaibar di samping lantang menyatakan bahawa amalan rasuah adalah haram. Demikian, ketegasan sebegini harus ada dalam diri setiap pemimpin. Bukan sewenang-wenangnya menerima suapan asal sahaja memberi keuntungan kepada diri sendiri.

Secara teoretikalnya, terdapat banyak lagi sirah yang mengisahkan kepimpinan Rasulullah dan para sahabat. Sememangnya mereka merupakan model kepimpinan yang lebih pragmatik untuk diteladani. Kepimpinan yang berpaksikan syariat, tauhid dan akhlak sebagai asas utama perjuangan memanifestasikan kepimpinan bebas daripada rasuah. Meskipun, mereka hidup pada zaman yang tidak moden sebagaimana hari ini, tetapi harta dan kedudukan tidak berjaya menggelapkan mata mereka untuk terlibat dengan rasuah. Sebaliknya pula yang berlaku pada era kepimpinan masa ini, dipenuhi dengan gaya hidup serba moden dan selesa menjadikan ramai pemimpin bersikap lebih tamak tanpa menghiraukan halal dan haram.

Idealnya, pemimpin merupakan tunjang dalam sesebuah kepimpinan. Setiap perbuatan yang dilakukan bukan sahaja penentu keampuhan sesebuah kepimpinan tetapi juga cerminan kepada para pengikutnya. Jika seseorang pemimpin itu berada di jalan yang salah, pecah amanah dan rasuah menjadi makanan kehidupan, maka tidak seharusnya masyarakat menjadikannya sebagai figura yang perlu diteladani. Pepatah 'jika baik jadi teladan, jika jahat jadi sempadan' amat bersesuaian dalam isu kepimpinan dan kepengikutan semasa. Dalam pada itu, usaha melicinkan isu politik rasuah selain pemimpin, pengikut juga perlu mendalami peribahasa 'jangan bercermin di air keruh'.

PERGAULAN BEBAS DALAM BERSUKAN, 'NORMALISASI' KEBEJATAN SOSIAL

Oleh: Dr. Farah Farhana Johari

Pergaulan Bebas dalam Bersukan

Malaysia antara negara yang aktif menyertai sukan saban tahun sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sebaik sahaja Malaysia mengisytiharkan fasa endemik berikutan krisis kesihatan COVID-19, tahun 2022 merupakan tahun yang begitu sibuk bagi penggiat sukan negara. Sukan SEA (*Southeast Asian Games*) pada May 2022, boleh dianggap sebagai pembuka tirai bagi aktiviti penganjuran sukan. Diikuti Sukan Malaysia (SUKMA), Hari Sukan Negara dan Malaysia dijangka berdepan pula dengan Para Sukan Malaysia (Para Sukma) dan beberapa aktiviti penganjuran sukan lain di sepanjang tahun ini. Berbicara lanjut berkenaan dengan sukan di Malaysia, majoriti penggiat sukan terdiri dalam kalangan mereka yang beragama Islam berbanding agama Kristian, Hindu dan Buddha. Hal ini tidak menjadi isu berikutan majoriti penduduk di Malaysia sememangnya terdiri dalam kalangan masyarakat beragama Islam. Namun, perkara yang seharusnya dilihat sebagai isu yang serius adalah situasi yang kurang menyenangkan iaitu pergaulan bebas antara lelaki dan wanita dalam bersukan.

Didapati sama ada atlet mahupun jurulatih sendiri, baik lelaki mahupun perempuan masing-masing dilihat bebas bergaul tanpa mengira batas-batas pergaulan sebagaimana digariskan dalam Islam. Meskipun Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa bersikap toleransi memberi kebebasan beragama, namun tidak bermakna kesempatan ini harus dijadikan sebab untuk masyarakat bebas bergaul. Dalam industri sukan semasa, para atlet dan jurulatih, sama ada wanita mahupun lelaki dilihat bebas bersentuhan dan berpelukan antara satu sama lain saat menerima kekalahan, meraikan kemenangan atau memberi kata-kata semangat kepada pasukan. Situasi sebegini seolah-olah menjadi norma dan budaya biasa bagi mereka. Sedangkan menurut perspektif Islam, Rasulullah SAW, menerusi hadis riwayat Thobroni pernah bersabda bahawa;

"Ditusuknya kepala seseorang dengan pasak dari besi, sungguh lebih baik baginya daripada menyentuh wanita yang bukan mahramnya".

Hadis tersebut secara terang-terangan menegaskan larangan pergaulan bebas antara lelaki dan wanita yang bukan mahram.

Hakikatnya, usaha memartabatkan Islam harus diberi keutamaan dalam segenap aspek termasuk aktiviti bersukan. Tambahan pula, menjaga pergaulan dan tingkah laku merupakan suatu tuntutan dalam agama Islam. Tetapi tidak sebagaimana yang berlaku hari ini, berjabat tangan, berpelukan dan bertepuk tapar dengan berlainan jantina telah menjadi kebiasaan dalam arena sukan. Sebuah 'normalisasi' yang sukar diterima dalam memelihara keperluan syarie. Sedikit sebanyak situasi ini mencacatkan arena sukan negara Malaysia yang didominasi oleh golongan Muslim. Bukan itu sahaja, isu ini turut menimbulkan perspektif yang negatif terhadap imej agama Islam. Biar pun, masyarakat era baharu menganggap membatasi pergaulan sebagai tindakan yang ketinggalan zaman namun tidak disisi Islam. Islam sentiasa memandang jauh kesan ke atas sesuatu perkara lebih-lebih lagi yang berkait rapat dengan isu akhlak.

Akibat 'Normalisasi' yang Tidak Normal

Pergaulan bebas antara lelaki dan wanita jika tidak dikawal mampu membawa kepada pelbagai masalah seperti gangguan seksual, rogol, zina dan keruntuhan institusi keluarga. Dalam konteks umum, pergaulan bebas yang berlaku sama ada di tempat kerja, atau dimana-mana tempat dan situasi sekalipun mampu menjadi penyebab kepada keruntuhan sesebuah institusi keluarga seperti perceraian. Pergaulan bebas antara lelaki dan wanita yang telah berkahwin terutamanya boleh membawa kepada fitnah, curang dan zina. Menerusi laporan Berita Harian pada Mac 2022 mendapati kes perceraian pasangan Islam adalah paling tinggi direkodkan dan curang menjadi salah satu faktor berlakunya kes tersebut.

Dalam konteks bersukan pula, terbaharu sebuah akhbar tempatan melaporkan kes tuduhan rogol di Brazil melibatkan seorang jurulatih terhadap atlet bawah umur, sehingga pelaku dipenjarakan lebih satu abad. Dalam pada itu, Malaysia sendiri pernah berdepan dengan kes yang sama iaitu kes tuduhan rogol jurulatih terhadap atlet di bawah seliaannya. Tidak mustahil, punca berlakunya kes-kes sedemikian bermula daripada sikap tidak sensitif seseorang individu terhadap pergaulan dengan bukan mahram. Sememangnya, situasi ini dilihat sedang berlaku dalam perkembangan sukan semasa. Sungguh, sebuah suasana yang tidak wajar berlaku lebih-lebih lagi yang melibatkan individu beragama Islam.

Selain itu, bersukan tanpa mewujudkan batas-batas pergaulan juga mampu merosakkan imej Islam dimata orang bukan Islam. Orang bukan Islam akan menganggap cara hidup orang Islam juga tiada bezanya dengan mereka. Bersentuhan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram akan dianggap sebagai perkara yang dibolehkan sama seperti norma hidup bukan Islam. Tambahan pula, norma pergaulan bebas ini diamalkan dalam bersukan yang turut disertai oleh orang bukan Islam. Secara tidak langsung, mereka sendiri akan terdedah dengan pergaulan tanpa batas dengan orang Islam. Hal ini hanya menimbulkan persepsi bahawa agama Islam turut membolehkan pergaulan bebas dengan berlawanan jantina. Kesalahfahaman yang timbul bukan sahaja menjejaskan imej masyarakat Islam tetapi juga agama Islam sendiri. Tanggapan ini dengan jelas perlu diubah agar Islam tidak disalah erti dan lebih dihormati. Demikian, isu pergaulan bebas dalam bersukan wajar diperhalusi berlandaskan syariat Islam sekalipun dalam situasi bersukan.

Perhalusi Isu Pergaulan Bebas dalam Bersukan

Meneroka dengan lebih lanjut berkenaan isu ini, Islam tidak menghalang orang Muslim melibatkan diri dalam bersukan. Ditambah pula bersukan kini bukan sekadar aktiviti permainan untuk mencari keseronokan atau memenuhi sesuatu hobi, tetapi telah menjadi sebuah kerjaya profesional dalam kalangan masyarakat. Bahkan, bersukan juga bukan sebuah aktiviti baharu yang diwujudkan kepada masyarakat hari ini, tetapi telah berlaku sejak zaman Rasulullah. Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda menerusi hadis riwayat at-Tirmizi bahawa;

"Segala sesuatu yang bukan termasuk zikir kepada Allah maka itu adalah perbuatan sia-sia, kecuali empat perkara: berjalannya seseorang diantara dua tujuan (untuk memanah, mendidik kudanya, bercanda dengan keluarganya dan mengajarnya berenang)".

Menerusi hadis tersebut ternyata aktiviti bersukan seperti memanah, berkuda dan berenang telah wujud dan dibenarkan sejak zaman Rasulullah SAW. Selain daripada itu, Rasulullah SAW juga turut memberi saranan untuk mempelajari aktiviti memanah, berenang dan berkuda. Misalnya, Baginda bersabda menerusi hadis riwayat al-Bukhari yang bermaksud;

“Nabi SAW telah berjalan di hadapan sekumpulan daripada suku Aslam yang sedang berlumba (dalam menunjukkan kemahiran memanah)”. Maka Nabi SAW bersabda: “Panahlah, wahai bani Ismail kerana sesungguhnya nenek moyang kamu adalah ahli dalam memanah maka panahlah”.

Perkara tersebut antara hadis yang menjelaskan tentang salah satu aktiviti bersukan yang digalakkan oleh Rasulullah SAW iaitu memanah. Walau bagaimanapun, dalam keghairahan bersukan sama ada atas faktor kerjaya, mengisi masa lapang, hobi mahupun bersuka ria individu Muslim perlu menjaga batas-batas pergaulan. Misalnya, dalam profesion sukan sendiri, perlu wujud jurang pergaulan antara atlet dan jurulatih lelaki dengan atlet dan jurulatih wanita. Atas dasar tersebut, umat Islam harus menghayati semula konsep bersukan dalam Islam dengan menjadikan al-Qur’an, hadis, qiyas dan ijmak sebagai sumber rujukan utama. Jika sekiranya golongan Muslim yang terlibat dengan sukan berpegang teguh dengan semua sumber tersebut sebagai panduan, maka tidak akan timbul lagi isu-isu berkaitan pergaulan bebas setiap kali dan saban tahun penganjurkan sukan sama ada di Malaysia mahupun di luar negara. Demikian, institusi sukan perlu menitikberatkan isu ini dan meletakkan tatacara penganjurkan sukan berteraskan Islam sebagai panduan.

Dalam pada itu, untuk tidak menjadikan pergaulan bebas sebagai norma yang normal dalam kalangan Muslim ketika bersukan, segalanya harus bermula daripada peringkat awal. Bak kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Dalam hal ini, ibu bapa harus memainkan peranan utama mendidik anak-anak sejak di peringkat awal usia menerusi nilai-nilai Islam biarpun bakal menceburi apa sahaja profesion di masa akan datang. Dalam konteks bersukan, penekanan terhadap unsur kerohanian harus dilakukan semasa peringkat awal latihan. Selain latihan melibatkan daya tahan fizikal, seiring dengan itu para atlet, jurulatih dan keseluruhan yang terlibat perlu diterapkan dengan ilmu bagi pemantapan rohani. Kedua-dua latihan fizikal dan kerohanian perlu seimbang agar tidak timbul isu pergaulan bebas.



Keseluruhannya, Islam tidak pernah menghalang umatnya melibatkan diri dalam bersukan. Tambahan bersukan mampu menyihatkan tubuh badan, membentuk penyatuan bahkan kesepakatan. Namun, setiap individu Muslim terutamanya perlu peka terhadap perkara-perkara yang dilarang termasuk pergaulan bebas dengan berlainan jantina. Untuk tujuan tersebut, sukan dan prinsip-prinsip Islam perlu diletakkan selari sebagai panduan hidup supaya umat Islam keseluruhannya tidak lalai dalam kepuasan dan keseronokan bersukan.

Save the World
NOW!!!!

ALAM SEKITAR

BANJIR KILAT DI MALAYSIA, FENOMENA GEOLOGI BERANTAI

Oleh: Dr. Syaidatana Siti Aishah Ab Aziz

Fenomena Banjir di Malaysia

Sejak kehadiran pandemik COVID-19, isu alam sekitar merupakan isu kedua terbesar dalam negara selepas isu kesihatan. Krisis kesihatan belum pun berakhir namun, Disember 2021, Malaysia telah dikejutkan dengan kejadian banjir terburuk sepanjang negara pernah berhadapan dengan krisis tersebut. Fenomena di luar kebiasaan ini tidak hanya berlaku di negeri Pantai Timur sebagaimana biasa malah, membabitkan sebelas buah negeri di Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Perak, Johor, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Lebih mengejutkan, banjir luar biasa ini turut menenggelamkan beberapa kawasan Lembah Klang terutamanya negeri Selangor yang jarang sekali menempuh kejadian sebegini. Kosmo pada tahun yang sama melaporkan, hujan lebat yang berlarutan selama dua hari mengakibatkan kawasan-kawasan di sekitar Lembah Klang dilanda banjir besar berikutan sistem perparitan dan pengairan yang tidak berupaya menampung jumlah hujan yang berterusan. Banjir pada tahun ini dilihat luar daripada kebiasaan apabila melanda negeri-negeri yang jarang berisiko fenomena tersebut.

Kejadian banjir besar ini turut diburukkan dengan fenomena air pasang yang berlaku di persisiran pantai Selangor. Lebih membimbangkan, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) pada ketika itu menjangkakan air pasang setinggi empat meter bakal melanda sekitar Pelabuhan Klang. Lantaran itu, hujan berterusan turut mengakibatkan peristiwa tanah runtuh. Memetik laporan Utusan Malaysia 2021, tanah runtuh bersaiz 40,000 dan 50,000 meter padu yang turut menyekat aliran sungai menjadi punca berlakunya banjir luar biasa ini. Dalam pada itu, Berita Harian melaporkan lebih 100 kejadian tanah runtuh telah direkodkan di Kuala Lumpur dan Selangor berpunca daripada curahan hujan berterusan sejak 16 hingga 19 Disember 2021. Fenomena di luar kawalan ini tidak terhenti pada penghujung tahun 2021 sahaja bahkan, berlarutan sehingga Januari 2022.

Realitinya, fenomena hujan lebat, banjir kilat, limpahan air dan tanah runtuh yang berlaku secara serentak ini telah mengakibatkan kesan buruk kepada negara. Kejadian berantai ini bukan sahaja mencatat jumlah mangsa yang kemusnahan harta benda malah, turut mencatat angka kematian yang tertinggi dalam sejarah berbanding banjir besar 2014. Menerusi laporan Metro, Januari 2022, seramai 43,392 mangsa banjir telah dicatatkan daripada 13,153 keluarga yang berada di 407 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di negeri-negeri yang terkesan. Terbaharu, Bernama pada 5 Januari 2022 melaporkan 54 kematian turut direkodkan di seluruh negara. Ternyata, fenomena banjir pada kali ini bukan sahaja memberi kesan kepada kehidupan sosial manusia bahkan, memusnahkan alam sekitar. Persoalannya, apakah faktor yang mencetus kepada permasalahan ini? Adakah ia sekadar fenomena alam semula jadi atau turut terkait dengan fenomena geologi berantai?



Banjir dan Fenomena Geologi Berantai

Proses geologi berantai yang berlaku susulan daripada hujan lebat yang berpanjangan menimbulkan tanda tanya pelbagai pihak. Satu persatu peristiwa yang mencetuskan kebimbangan menyusul lantaran hujan yang berpanjangan sejak Disember 2021 sehingga Januari 2022. Banjir kilat, tanah runtuh, hakisan tanah, fenomena air pasang besar dan limpahan air sungai menambahkan kerungsingan ramai pihak, lebih-lebih lagi mereka yang terkesan. Lebih membimbangkan, ekor kejadian-kejadian yang berlaku turut memberi kesan kepada kehidupan manusia sama ada sebagai mangsa hidup mahupun terkorban.

Hakikatnya, banjir kilat sering sahaja dikaitkan dengan pembangunan yang tidak lestari terutama di bandar-bandar besar. Eksploitasi hutan yang berlebihan untuk tujuan pembangunan berupaya membuka peluang kepada banjir besar. Pakar Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Tanah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi laporan Berita Harian, berpandangan kawasan rentan di Pahang khususnya berdepan dengan risiko banjir teruk setiap tahun, sekiranya aktiviti penebangan hutan dibiarkan berterusan tanpa sistem tadahan air. Tentunya, kehilangan sistem tadahan air berupaya menjadi penyebab berlaku takungan air seterusnya banjir kilat. Dalam hal ini, kerakusan manusia dengan tujuan tersendiri membawa kepada bencana yang akhirnya memakan diri.

Pakar kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar merumuskan, kejadian banjir besar yang berlaku baru-baru ini khususnya di Selangor dan Pahang disebabkan penukaran status guna tanah dan pembalakan secara haram. Ditambah pula, tsunami darat yang berlaku akibat fenomena banjir baru-baru ini amat memberi kesan kepada alam sekitar. Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA Malaysia), Prof Dr. Shariffa Sabrina Syed Akil, mentaksirkan, hujan lebat yang berterusan dalam tempoh beberapa hari telah menyebabkan aliran air mengalir laju daripada kawasan tinggi. Hal ini disebabkan tiada penahan semula jadi yang meliputi hutan seterusnya, menyebabkan berlaku kemusnahan flora dan fauna semasa pasca banjir.

Eksploitasi sumber hutan secara berlebihan melalui aktiviti pembalakan boleh mengganggu gugat struktur tanah sehingga menyebabkan berlaku hakisan dan tanah runtuh. Sikap tidak bertanggungjawab, kegagalan mengurus dan kurang kesedaran terhadap alam sekitar merupakan sebahagian punca fenomena berantai ini. Sebagaimana biasa, peristiwa tanah runtuh sering sahaja dikaitkan dengan hujan lebat yang berterusan. Namun, adakah punca kejadian tanah runtuh ini hanya semata-mata disebabkan oleh perkara tersebut? Sinar Harian, 2022 melaporkan pembinaan struktur tambahan yang melanggar undang-undang dan garis panduan antara punca berlakunya tanah runtuh.

Hal ini, membuktikan fenomena semula jadi seperti hujan lebat yang berterusan bukan punca utama berlakunya tanah runtuh. Sebaliknya, sikap manusia sendiri yang membawa kepada kemusnahan alam sekitar. Banjir besar, tanah runtuh bukan sekadar fenomena geologi berantai mahu pun tindak balas alam semula jadi, tetapi juga perbuatan tangan-tangan manusia sendiri.

Tragedi Banjir dan Impaknya

Secara amnya, tragedi banjir yang berlaku amat memberi kesan terhadap kemusnahan alam sekitar. Peristiwa yang berlaku secara berturut-turut ini telah memusnahkan hampir keseluruhan ekosistem alam semula jadi seperti tanah, sungai, hutan dan sebagainya. Kesan kemusnahan ini dapat dilihat apabila pelbagai spesies haiwan ternakan turut terjejas teruk dan mati. Begitu juga dengan hasil tanaman pertanian yang musnah akibat runtuhnya tanah dan banjir. Pencemaran sungai turut berlaku apabila kayu yang telah dipotong dan ditinggalkan dibawa bersama arus sungai sehingga menyebabkan terjadi banjir lumpur. Kawasan perumahan pula terpaksa berdepan dengan masalah timbunan sampah pasca bencana. Perkara ini jelas menunjukkan berlaku eksploitasi sumber alam secara tidak terkawal seperti penebangan hutan bagi tujuan pembalakan, aktiviti pertanian dan pembuangan sampah. Tindakan luar kawalan ini membolehkan ekosistem terganggu dan sebarang perubahan akan meninggalkan kesan negatif terhadap alam seterusnya meruncingkan tindak balas antara manusia dengan persekitaran.

Bencana banjir bukan sahaja memberi kesan terhadap alam sekitar malah, manusia di persekitarannya. Ekosistem alam semula jadi yang sentiasa melibatkan interaksi manusia dengan alam menjadikan kedua-duanya umpama "aur dengan tebing". Situasi ini diibaratkan, jika berlaku kemusnahan atau kerosakan alam secara tidak langsung, turut menjejaskan kehidupan manusia. Kesan terhadap aspek ekonomi terutamanya sangat membimbangkan. Menurut Prof Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latif, Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), situasi banjir di Lembah Klang memberi impak negatif kepada ekonomi tempatan sekitar kawasan berkenaan. Golongan peniaga terutamanya terjejas akibat kerosakan premis kesan dinaiki air. Di samping itu, barangan tanpa mengira jenis turut mengalami kenaikan harga akibat krisis pandemik COVID-19 ditambah dengan bencana banjir. Situasi ini amat tidak mustahil kerana apabila terjadinya banjir seperti baru-baru ini, turut menjejaskan pengeluaran apabila kilang-kilang, tanaman dan penternakan musnah sehingga menyebabkan pengeluaran terhad dan berkurang. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan permintaan melebihi pengeluaran dan peningkatan harga barangan.

Realitinya, impak terhadap ekonomi negara amat besar berikutan bencana banjir yang berlaku sehingga menyebabkan kerosakan harta benda pada skala besar. Berita Harian, Januari 2022 melaporkan bencana banjir baru-baru ini telah merekodkan kerugian mencecah antara RM5.3 bilion sehingga RM6.5 bilion iaitu bersamaan dengan 0.4% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Menurut Datuk Sri Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan, Selangor merekodkan jumlah kerugian terbesar iaitu RM1 bilion. Hakikatnya, banjir telah menyebabkan berlaku kerugian terhadap tempat kediaman, kenderaan, sektor perniagaan, pertanian dan sebagainya. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Mustapa Mohamed, kerugian tempat kediaman dianggarkan sebanyak RM1.2 bilion, kenderaan sebanyak RM1.3 bilion, sektor pembuatan RM800 juta, premis perniagaan RM 600 juta, pertanian RM 49.9 juta dan aset awam serta infrastruktur sebanyak RM2 bilion. Tiga negeri yang mencatatkan kerugian tertinggi ialah negeri Selangor dengan RM 855 juta, Pahang RM 78.2 juta dan Negeri Sembilan RM 18.2 juta. Kesemua jumlah yang dicatatkan mempamerkan angka yang begitu membimbangkan dan pastinya mampu menjejaskan sektor ekonomi negara.

Selain memberi kebimbangan terhadap aspek ekonomi, bencana banjir turut memberi impak terhadap aspek sosial. Dalam hal ini, tragedi yang melumpuhkan negara, harta benda serta meragut nyawa tersebut membuatkan mangsa yang terkesan mengalami trauma dan gangguan emosi biarpun tragedi tersebut telah berakhir. Antara mangsa yang terkandas mengalami trauma kerana kehilangan harta benda, terputus bekalan makanan, terkandas dan kehilangan ahli keluarga. Pakar Psikologi Khidmat Kaunseling Access, Dr. Meriam Omar Din menerusi Kosmo 2022 melaporkan seseorang yang mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi atau mudah berasa murung akan mengalami tekanan yang lebih berbanding individu yang bersikap positif. Dalam pada itu, Berita Harian, Januari 2022 melaporkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah merekodkan terdapat seramai 48 orang awam terkorban akibat banjir Disember lalu. Ternyata, kesan bencana seperti banjir bukan sahaja memberi kesan terhadap kemusnaham alam sekitar semata-mata malah, turut membabitkan manusia sebagai penghuni alam.

Inisiatif Menangani Musibah Banjir

Berdasarkan impak negatif dikemukakan, terdapat pelbagai langkah yang perlu tindakan segera bagi membendung permasalahan yang berlaku. Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar terutamanya amat penting untuk diberi perhatian. Hal ini berikutan fenomena berantai yang berlaku secara berturutan kesan daripada hujan yang berpanjangan. Banjir kilat, tanah runtuh dan limpahan air antara perkara yang perlu dikawal selia dengan baik. Langkah drastik perlu diambil pihak berwajib sama ada pihak pemaju mahupun pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan melaksanakan konsep pembangunan lestari iaitu dengan mengambil kira tiga faktor utama iaitu alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Dari sudut ekonomi, kerajaan telah berusaha menyediakan peruntukan kewangan kepada mangsa. Setakat ini golongan terjejas dengan banjir telah diberikan peruntukan oleh kerajaan lebih RM1.4 bilion yang disalurkan menerusi pakej Bantuan Banjir Keluarga Malaysia. Selain itu, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, menegaskan bahawa bantuan banjir akan dipastikan sampai kepada semua mangsa berikutan sebuah pasukan khas telah ditubuhkan bagi memantau dan membuat laporan terus kepada menteri berkaitan dan dibentangkan di Kabinet. Inisiatif ini pastinya demi memastikan mereka yang terkesan dengan bencana banjir dapat meneruskan hidup seperti sedia kala.

Di samping bantuan kewangan, sokongan emosi merupakan perkara paling penting bagi mangsa banjir yang mengalami trauma. Pada peringkat awal keluarga atau rakan terdekat memainkan peranan bagi mendengar keluhan serta bersifat prihatin apabila mangsa banjir menyuarkan hasrat untuk meminta bantuan. Bantuan yang berbentuk praktikal seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan sebagainya boleh dihulurkan. Bebanan mangsa banjir juga dapat dikurangkan dengan meningkatkan koordinasi bantuan seperti pembersihan rumah, makanan dan kewangan daripada pihak kerajaan mahupun masyarakat secara keseluruhannya. Bernama pada 23 Disember lalu melaporkan seramai 872 sukarelawan kaunselor yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah ditempatkan di tujuh negeri yang terlibat dengan banjir. Petempatan sukarelawan ini bertujuan membantu memulihkan emosi dan masalah dihadapi mangsa banjir yang trauma dengan musibah menimpa mereka. Langkah ini merupakan inisiatif yang wajar dilakukan sekiranya ia dapat dilakukan dengan lebih menyeluruh.

Keseluruhannya, kolaborasi melibatkan pihak berwajib, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil merupakan gabungan sinergi yang mampu menangani tragedi banjir dengan lebih efektif. Antara tindakan yang boleh diambil dengan melakukan kesiapsiagaan sebelum banjir, memberi bantuan kepada mangsa banjir dan memelihara alam sekitar. Namun, adakah tindakan-tindakan yang telah dilakukan akan memberi kesan jangka panjang atau sekadar jangka waktu ini sahaja? Inisiatif jangka panjang adalah kaedah yang baik bagi menangani isu sebegini. Hal ini demi memastikan masyarakat lebih bersedia jika sekiranya fenomena alam seumpama ini berlaku di masa akan datang.



Keutamaan harus diberikan kepada tahap kesedaran dan kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi bencana yang masih berada pada tahap rendah. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat memandang ringan terhadap keadaan cuaca yang tidak menentu serta tidak mengambil peduli maklumat berkaitan banjir seperti peningkatan paras laut, pemanasan global dan gelombang ribut. Pemerkasaan terhadap penyebaran maklumat tentang info banjir perlu sentiasa di hebahkan. Masyarakat juga perlu peka dengan permasalahan persekitaran agar dapat membina keupayaan sendiri dengan pengetahuan serta kesedaran yang boleh diperolehi daripada sosial media. Inisiatif sedia ada ini boleh ditambah baik dengan menguatkuasakan undang-undang yang tegas terhadap pembalakan haram dan pembuangan sampah secara berleluasa sehingga menyebabkan kemusnahan alam.

PENDIDIKAN

COVID 19: GURU DAN BAHANA TRANSFORMASI BAHARU PENDIDIKAN MALAYSIA

Oleh: Dr. Farah Farhana Johari

Reaksi COVID-19 terhadap Sistem Pendidikan

Bagaikan fenomena yang tiada berpenghujung, begitulah diibaratkan sejak krisis *Coronavirus Disease of 2019* (COVID-19) menggempar dunia. Berikutan peningkatan kes secara drastik, 11 Mac 2020, *World Health Organization* (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik. Pengisytiharan pandemik ini bersesuaian dengan penularan wabak yang telah tersebar meluas merentasi sempadan dunia. Akhir Mac 2020, bilangan positif COVID-19 di dunia mencecah 90,870 kes, sekali gus mengakibatkan sejumlah 3,000 kematian di seluruh dunia. Dalam kewaspadaan, Malaysia antara negara yang tidak terkecuali diserang wabak ini. 25 Januari 2020 merupakan kes pertama positif COVID-19 dikesan di Malaysia. Rentetan itu, 17 Mac 2020 tercatat kematian pertama di Malaysia. Sejak itu, bermula sejarah baharu buat Malaysia, apabila kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah mengekang penularan COVID-19. Malaysia mengumumkan tarikh kuatkuasa PKP pertama bermula 18 Mac 2020 sehingga beberapa fasa lanjutan yang diumumkan secara berperingkat bermula Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) apabila jumlah kes mula mencatatkan penurunan.

Namun, akibat peningkatan semula jumlah kes yang mencecah kepada empat angka, memaksa Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan Proklamasi Darurat sebagai langkah yang lebih proaktif. Baginda memperkenankan tempoh pelaksanaan darurat hingga 1 Ogos 2021 atau sehingga suatu tarikh lebih awal jika angka kes positif COVID-19 harian dapat dikawal dan diturunkan dengan berkesan. Sehingga kini, walaupun kes telah menunjukkan penurunan namun, masyarakat Malaysia belum bebas sepenuhnya dan masih hidup dalam norma baharu dengan perlu mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan. Keadaan ini tidak dapat dipastikan bilakah akan tamat sepenuhnya. Lebih membimbangkan impak COVID-19 sangat besar sehingga menjejaskan banyak pihak di pelbagai peringkat, di serata negara.

Di Malaysia, keadaan yang berlanjutan ini telah memberi kesan dalam pelbagai aspek, bukan sahaja ke atas pembangunan ekonomi bahkan, ke atas pembangunan sosial dan pendidikan. Sistem pendidikan mula terkena tempasnya apabila kerajaan telah mengarahkan penutupan sekolah dan institusi pengajian tinggi. Perkara ini antara larangan utama dalam tempoh keberlangsungan PKP dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19. Meskipun begitu, demi meneruskan kelangsungan aktiviti pembelajaran, guru dan pelajar perlu melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR). Dalam situasi ini, PdPR dilihat sesuai untuk dilakukan hanya secara dalam talian menerusi pelbagai platform sedia ada. Sekali lagi masyarakat Malaysia dikejutkan dengan rutin baharu selain perlu melalui beberapa fasa perintah berkurung. Maka, bermulalah episod baharu bagi pelajar, ibu bapa dan guru sendiri.

Realitinya, PdPR telah meletakkan cabaran yang cukup hebat kepada golongan pendidik lebih-lebih lagi guru sekolah. Memandangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PnP) perlu dilakukan secara maya, para guru juga perlu menjadi kreatif untuk menarik perhatian pelajar. Lebih menyukarkan, kepada guru yang harus berperanan sebagai ibu dan bapa secara serentak. Jika keadaan ini berpanjangan, sedikit sebanyak pasti memberi kesan terhadap emosi diri sendiri. Demikian, **kewajaran isu ini wajar diteliti dan diperhalusi dari segenap aspek seperti aspek psikologi guru demi menjaga segenap emosi, fizikal dan kesejahteraan kesihatan warga pendidik supaya dapat mengelakkan isu yang lebih buruk melanda yang melibatkan isu kesihatan mental.**

Guru dan Cabaran Norma Baharu

Sedari awal pelaksanaan PdPR secara atas talian sebagai alternatif pendidikan norma baharu, cabarannya hangat diperkatakan di media sosial serta di dada-dada akhbar. Terbaharu, Berita Harian, 2021 melaporkan tugas guru semakin mencabar apabila perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan kebiasaan baharu yang menuntut PnP dilaksanakan dalam talian. Walaupun PdPR secara dalam talian merupakan kaedah yang paling sesuai pada ketika ini namun, kelaziman masyarakat Malaysia menjalankan aktiviti PnP secara bersemuka menimbulkan kekangan terhadap guru dan murid. Kaedah berkomunikasi, penyampaian dan interaksi yang berubah memberi kesan besar terhadap warga pendidik di Malaysia kerana sudah terlalu biasa dengan kaedah secara bersemuka. Jika tidak ditangani, transformasi drastik dunia pendidikan di Malaysia ini, pasti menjadi punca keciciran dalam pendidikan. Tambahan pula, laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) keluaran Jun 2021, menegaskan bahawa pendidikan adalah salah satu aspek terpenting yang hilang dari hidup kanak-kanak sejak COVID-19 melanda.

Bagi memastikan tidak berlaku keciciran dalam pendidikan para pelajar di Malaysia, PdPR merupakan kaedah paling wajar ketika ini. Demikian, sebagai tunjang dalam pendidikan, guru merupakan aset penting demi memastikan setiap murid mendapat pendidikan sewajarnya, meskipun dengan kaedah di luar kelaziman biasa. Namun, dalam menjayakan PdPR secara atas talian ramai guru mengakui antara cabaran terbesar mereka adalah terhadap penguasaan teknologi. Hal ini meliputi **kurang kemahiran terhadap penggunaan teknologi, tiada capaian internet atau gangguan akses internet dan tiada peranti literasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).**

Hakikatnya, **kurangnya kemahiran terhadap penggunaan teknologi** merupakan cabaran utama bagi guru. Hal ini berikutan kaedah PdPR secara atas talian yang memerlukan pengetahuan tentang penggunaan platform sedia ada seperti *Google Meet*, *Zoom*, *Parlay*, *Blooket*, *Remind*, *Mote* dan pelbagai lagi. Selain menjadi alternatif PdPR, setiap platform ini mempunyai fungsinya tersendiri untuk menjadikan proses PnP secara atas talian lebih menarik. Malangnya, guru dan murid sendiri kurang mahir terhadap kepelbagaian platform sedia ada. Sebuah akhbar *online*, *The Patriots* pernah melaporkan bahawa isu kurang mahir dengan penggunaan gajet dan perkomputeran dalam kalangan pelajar menjadi salah satu penghalang terbesar untuk pembelajaran maya. Perkara yang memberi cabaran kepada guru apabila perlu memastikan setiap pelajar mahir penggunaan gajet atau platform yang akan digunakan untuk PnP. Sememangnya, kurang kemahiran terhadap penggunaan teknologi dalam kalangan guru dan murid telah membataskan proses PnP secara atas talian.

Turut menjadi kekangan PdPR secara atas talian apabila tiada capaian atau gangguan akses internet dalam kalangan sebahagian guru di Malaysia. Faktor lokaliti guru di sesetengah kawasan mengakibatkan permasalahan ini berlaku, lebih-lebih lagi guru yang berkhidmat di kawasan luar bandar. Lebih menyulitkan, guru-guru yang berada di kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak apabila perlu berhadapan dengan masalah capaian internet yang tidak meluas sehingga membataskan tujuan PnP. Sabah *Online*, melaporkan isu tiada capaian internet di sesetengah kawasan di negeri Sabah telah dijangkakan sebaik sahaja kerajaan menyarankan pelaksanaan PdPR secara atas talian sepanjang penutupan sekolah. Demikian, sebagai langkah menangani masalah ini, seorang Pengetua sebuah sekolah di Ranau Sabah mengambil langkah dengan membuka stesen PdPR untuk seramai 646 pelajar. Dalam masa yang sama semua guru sekolah yang terlibat diarah menyediakan modul rancangan pembelajaran secara *offline*. Langkah ini boleh dikatakan sebagai satu langkah proaktif dan boleh dicontohi oleh sekolah-sekolah yang turut mengalami permasalahan yang sama.

Kaedah baharu PnP di Malaysia turut memerlukan peranti ICT yang bersesuaian demi kelancaran proses PdPR secara atas talian. Namun, **ketiadaan peranti ICT yang bersesuaian** antara cabaran para guru, terutamanya dalam kalangan guru veteran yang turut terlibat dengan PdPR. Kurang peka dengan perkembangan terbaharu peranti ICT yang semakin canggih dengan kepelbagaian kegunaan menjadi kekangan buat mereka sedangkan peranti ICT merupakan alat yang penting untuk proses PdPR secara atas talian. Terdapat juga dalam kalangan guru yang hanya menggunakan telefon pintar untuk tujuan PdPR sehingga membataskan proses penyampaian ilmu. Sedangkan, telefon pintar untuk tujuan PdPR dilihat kurang bersesuaian lantaran keterhadan pengendalian, serta skrin telefon yang lebih kecil berbanding komputer riba. Dengan sekadar menggunakan telefon bimbit, guru hanya boleh berkomunikasi dengan pelajar tanpa penggunaan secara aktif perkongsian skrin. Oleh yang demikian, peranti ICT yang bersesuaian dengan situasi PdPR secara atas talian amat penting untuk kelancaran proses PnP selain akses internet yang luas.



Meskipun terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran, namun guru perlu akur dengan kaedah baharu PnP ini demi kelangsungan sistem pendidikan di Malaysia. Tidak dinafikan, sepanjang PdPR berlangsung ramai dalam kalangan guru yang komited dengan tugas mereka dalam penyampaian ilmu sehingga pelaksanaannya menginjak ke tahun yang kedua sejak dilaksanakan pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, impaknya tetap ada apabila guru terpaksa menempuh cabaran sistem pendidikan yang berubah dalam tempoh singkat tanpa sebarang persediaan awal. Sedikit sebanyak, kesannya membawa kepada aspek fizikal dan psikologi guru.

Realiti Mendepani Cabaran Transformasi Pendidikan

Transformasi norma baharu dalam sistem pendidikan ini sedikit sebanyak meninggalkan kesan terhadap psikologi dan fizikal guru lebih-lebih lagi apabila guru perlu menjalankan PnP dari rumah. Hakikatnya nampak mudah, namun kaedah ini lebih mencabar daripada PnP secara bersemuka. Ramai kalangan guru yang merasa tidak proaktif apabila bekerja dari rumah berbanding di sekolah. Menerusi jurnal yang dikeluarkan *frontiers in psychology*, 2021 menegaskan bahawa situasi PdPR telah menambah kekeliruan dan stres dalam kalangan guru walaupun tahap ketersediaan guru dilakukan dalam keadaan terbaik. Keadaan stres ini jika berlanjutan terlalu lama dan tidak ditangani sebaiknya, berupaya membawa kepada krisis psikologi seperti stres, gemuruh dan kemurungan.

Mempunyai perasaan gemuruh, kemurungan dan stres merupakan tindak balas normal manusia ketika berada dalam situasi terancam, apatah lagi dalam situasi pandemik yang masih tidak diketahui pengakhirannya. WHO, 2020 menjelaskan bahawa kesan psikologi daripada kawalan pergerakan dan pengasingan diri menyumbang kepada krisis kesihatan mental. Kebiasaannya, stres akibat PdPR dalam kalangan guru akan disertai dengan beberapa simptom seperti keresahan dan kegelisahan terutamanya disebabkan pertambahan beban tugas apabila perlu menjalani proses PnP di rumah. Dalam hal ini, stres dalam kalangan guru juga berbeza mengikut jantina. Laporan khas pernah dikeluarkan *Educational Technology, Research and Development*, tahun 2001 membuktikan sememangnya terdapat perbezaan jantina dan umur terhadap keperluan, kecekapan dan keberkesanan PnP secara atas talian.

Walaupun bagaimanapun, rutin harian yang berbeza daripada sebelumnya berupaya menambahkan stres dalam kalangan guru. Di tambah pula apabila perlu diselang seli antara tugas hakiki dengan keperluan peribadi. Realitinya, stres yang berlanjutan berupaya memberi kesan terhadap beberapa perkara seperti masalah gangguan tidur, kemurungan dan kebimbangan sehingga mengganggu gugat fokus mereka terhadap proses PnP. Jurnal Psikologi dan Kaunseling, 2020 menegaskan bahawa isu kesihatan mental yang semakin meningkat dalam kalangan guru memberi impak terhadap perkhidmatan sehingga berlakunya kegagalan dalam mengawal tingkah laku dan tindakan di luar batasan individu. Di bimbangi stres yang berlarutan dalam kalangan guru mendorong kepada tindakan yang tidak sewajarnya seperti bunuh diri. Seterusnya, menyebabkan 'pandemik pendidikan PdPR' yang menyebabkan ketidakseimbangan pendidikan.

Impak terhadap transformasi dunia pendidikan di Malaysia, mungkin nampak dinamik dengan pembaharuan dan kemajuan teknologi sedia ada. Malah, kelihatanlah apabila kecanggihan teknologi menjadi penyelamat ketika situasi pandemik sehingga sistem pendidikan dapat diteruskan. Jika diperhalusi transformasi pendidikan secara mendadak ini sebenarnya memberi kesan negatif dalam kalangan guru. Cabaran PnP secara atas talian dan dalam masa yang sama perlu disertai dengan tugas peribadi berupaya membawa kepada permasalahan stres. Ternyata, para guru antara yang turut terkesan dengan PdPR secara atas talian. Puncanya, tiada persediaan awal serta terlalu biasa dan selesa dengan PnP secara bersemuka. Justeru, apabila keadaan mendesak sehingga memaksa perubahan drastik sebegini, maka timbul cabaran yang tidak disangka-sangka.



Malaysian Research and
Education Foundation (MyREF)

No 10-2, Jalan Dataran Jade 2,
Jade Hills, 43000, Kajang,
Selangor, Malaysia.

www.myref.org.my

ISBN 978-629-98483-1-8



MYREF CONSULTANCY
AND TRAINING PLT